

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 3

Hari Rabu

14 Mei 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong.
- *Y.B. Puan Kamilia binti Ibrahim*

(Ruangan)

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Datuk Seri
Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani

(Ruangan)

Mei 1997

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggala Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M., A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S.
(Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K.
(Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 14hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

EXPRESS RAIL LINK - PERMULAAN PROJEK/KOS

1. **Tuan Tan Son Lee** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerja bagi sambungan ERL (Express Rail Link) dari bandaraya Kuala Lumpur ke lapangan KLIA akan mula memandangkan lapangan KLIA akan mula beroperasi pada 1998. Berapakah jumlah kos yang terlibat dalam sambungan ERL ini dan apakah cara ianya dilaksanakan dengan pihak-pihak swasta dan berapa buah syarikat diberikan projek ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) yang ditawarkan konsesi untuk melaksanakan projek ini sedang di peringkat akhir sebelum ianya ditandatangani. Berdasarkan jadual pelaksanaan, projek ini akan dimulakan pembinaannya pada awal bulan Jun 1997 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1999.

Keseluruhan kos projek ini adalah kira-kira RM2000,100 juta (RM2.1 bilion) dan akan dilaksanakan secara penswastaan mengikut kaedah Build-Operate-Transfer, dengan izin (BOT). Pihak ERLSB selaku pemegang konsesi dianggotai bersama oleh Tabung Haji Technology Sdn. Bhd., YTL Corporation Bhd. dan Abrar Group International Sdn. Bhd. selaku shareholders - pemegang saham dalam pelaksanaan projek ini. Sekian.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan rancangan tersebut ke bandar-bandar yang lain

seperti di Pulau Pinang, Ipoh mahupun di Johor dan di Melaka sebagaimana yang telah diadakan di Kuala Lumpur?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, ini projek khusus, dedicated dari Kuala Lumpur ke KLIA sahaja iaitu ia memakan masa lebih kurang 20 minit, ini tidak ada berhentilah. Untuk bandar-bandar lain di Malaysia sistem ini belum dicadangkan. Bagi sistem yang berhenti-henti digunakan sistem CRS ataupun 'commuter railing system', yang mana keretapi itu berhenti di Kuala Lumpur, Bandar Tasik Selatan, Putrajaya, Salak Tinggi dan KLIA dan untuk bandar-bandar Pulau Pinang ke Johor Bahru, itu sistem lain.

PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELALUI GERAKAN KOPERASI - USAHA DAN RANCANGAN KERAJAAN

2. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menerangkan usaha dan rancangan kementerian bagi mempertingkatkan pembangunan masyarakat melalui gerakan koperasi. Jika ada, apakah kementerian akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada pembangunan anggota-anggota koperasi yang wujud di kilang-kilang memandangkan bahawa koperasi di sektor ini merupakan sektor yang baru yang mempunyai kehendak-kehendak (needs) tersendiri ada potensi dapat ditangani secara berkoperasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (TPK) sentiasa menjalankan program-program yang berikut dengan tujuan memberikan pendedahan, kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat khususnya anggota-anggota koperasi dalam usaha mempertingkatkan pembangunan masyarakat melalui gerakan koperasi iaitu:

- (i) Pendidikan dan latihan dalam bentuk seminar, bengkel dan kursus dalam bidang-bidang perakaunan dan pengurusan perniagaan;
- (ii) kaunter khidmat nasihat dalam hal-hal pinjaman perniagaan dan pelaburan;
- (iii) bantuan kewangan secara langsung dan pinjaman kepada koperasi yang menghadapi masalah kewangan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berdaya maju; dan

- (iv) panduan dan urusan perjalanan koperasi mengikut tatacara dan perjalanan perniagaan serta lunas undang-undang.

Di samping program yang dinyatakan tadi, kementerian juga sedang berusaha menggalakkan penyatuan di kalangan koperasi dengan tujuan mewujudkan tiga kategori koperasi berdaftar seperti dinyatakan di bawah seksyen 4 Akta Koperasi 1993 iaitu koperasi asas, koperasi menengah dan koperasi atasan. Penyatuan menegak ini adalah penting bagi memperkemas dan meningkatkan hubungan kerjasama di kalangan koperasi berdaftar. Pengisytiharan ANGKASA sebagai koperasi atasan yang menjadi badan mewakili gerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah merupakan langkah awal ke arah penyatuan ini.

Pelaksanaan program-program yang saya nyatakan turut juga meliputi koperasi pekerja-pekerja kilang. Kementerian memang menyedari bahawa potensi koperasi pekerja-pekerja kilang untuk bergerak maju adalah besar. Oleh itu, usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk memberikan penjelasan kepada pekerja-pekerja dan juga pihak pengurusan bahawa penubuhan koperasi akan memberikan banyak faedah dan manfaat jangka pendek dan panjang kepada kedua-dua pihak. Setakat ini penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam gerakan koperasi masih lagi kecil kerana keadaan dan masa kerja di kilang-kilang menjejaskan kehadiran mereka ke program yang diatur oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Dalam usaha mengatasi masalah berkenaan, jabatan berusaha untuk mendapatkan kerjasama pihak pengurusan kilang untuk membenarkan pekerja-pekerja menghadiri kempen-kempen kesedaran oleh jabatan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai peranan koperasi dalam hal pinjaman barang-barang pengguna yang dibuat secara potongan gaji melalui ANGKASA. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan, kalau tidak pun seratus peratus hampir-hampir seratus peratus, pinjaman pengguna yang dibuat potongan melalui ANGKASA, mereka yang meminjam bukannya untuk membeli barang-barang pengguna seperti peralatan rumah tetapi meminjam

wang secara direct daripada pihak-pihak yang membekalkan barang-barang pengguna tadi. Biasanya, katalah, kalau pinjaman dibuat RM5,000 tetapi duit yang diberikan hanya RM3,000 dan ini merugikan pihak ahli-ahli koperasi membuat pinjaman dan jika sedar, adakah pihak kementerian bercadang untuk membenarkan koperasi-koperasi ini memberi pinjaman secara terus (direct) kepada ahli-ahli koperasi tadi?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari bahawasanya penyelewengan seperti ini dilakukan oleh sebilangan kecil anggota-anggota koperasi khususnya yang meminjam daripada ANGKASA. Kita tidak menjangka angka bilangannya merupakan angka yang begitu besar dan ketara, oleh itu kita belum mengambil apa-apa tindakan atau langkah kerana kementerian merasakan bahawasanya keadaan yang sekarang ini adalah dalam kawalan.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata meminjam daripada ANGKASA, itu adalah tidak benar kerana ANGKASA bukanlah sifat dia sebagai meminjam kerana, saya minta, itu bukan! ANGKASA tidak meminjam duit daripada sesiapa.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ini potongan yang dibuat melalui ANGKASA, maksud saya. Tadi, saya sebut 'pinjaman'kah atau 'potongan'? Pinjaman! Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, maksud saya potongan yang dibuat melalui ANGKASA tetapi yang pinjaman, perkataan 'pinjaman' itu, Tuan Yang di-Pertua, disebut oleh Yang Berhormat yang bertanya, saya terikut dia, sebenarnya maksud saya potongan.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada mengatakan bahawa penubuhan ANGKASA adalah untuk menyatupadukan koperasi-koperasi. Bagaimana pula kalau koperasi-koperasi ini tidak mahu menjadi ahli ANGKASA?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, koperasi adalah bergerak berasaskan demokrasi. Kalau sekiranya koperasi itu tidak berminat untuk menjadi

anggota mana-mana badan, adalah sukar bagi kementerian untuk melakukan apa-apa. Tetapi, bagi pihak kementerian, saya suka hendak merayu dan menyeru semua koperasi dalam negara kita, tidak hirau dari mana ia datang, perniagaan apa yang dilaksanakan - saya menyeru supaya semua koperasi dalam negara kita menjadi anggota ANGKASA. Sesungguhnya menjadi anggota ANGKASA yang menjadi 'apex' kepada gerakan koperasi mendatangkan banyak manfaat bukan hanya kepada kerajaan, juga kepada rakyat, juga kepada koperasi itu sendiri.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu memandangkan bahawa bilangan koperasi di kilang-kilang, saya rasa setakat ini belum bertambah daripada angka dua tahun yang lalu, apakah kementerian berhasrat mencari jalan dan menyusun strategi bagi mempertingkatkan supaya lebih banyak lagi koperasi jenis ini ditubuhkan. Soalan kedua, kita sedar bahawa gerakan koperasi dapat dimaksimumkan keberkesanannya dengan penyertaan dan penglibatan anggota iaitu melalui pendidikan dan latihan macam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tadi, tetapi adakah kementerian sedar bahawa anggota-anggota koperasi di sektor perkilangan tidak mendapat kemudahan pelepasan untuk menghadiri kursus-kursus dan adakah kerajaan berusaha atau akan berusaha supaya anggota-anggota koperasi di sektor ini mendapat kelulusan untuk menghadiri kursus-kursus ini? Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kementerian juga bersetuju bahawasanya masih banyak potensi bagi anggota-anggota atau pekerja-pekerja kilang menjadi anggota koperasi tetapi ingin saya menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini nampaknya ada peningkatan dalam penubuhan koperasi di kilang-kilang. Saya ingin memberi contoh, tahun 1996 ini sudah terdapat sebanyak 39 buah koperasi yang terdiri daripada 26,800 anggota daripada pekerja-pekerja kilang dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM38.7 juta dan kita menyedari bahawasanya, kilang, Tuan Yang di-Pertua, dia liat sedikit hendak mengizinkan anggota-anggota dia menghadiri kursus. Antara sebabnya ialah kerana mereka tidak mahu ada down time ataupun kerugian masa bekerja. Namun, di atas isu ini

kita, Insyaa-Allah akan berunding dan saya akan cuba membawa kepada kementerian saya untuk dirundingkan dengan pihak MITI bagaimana kita dapat menyelaraskan perkara ini dengan lebih baik lagi.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada menyebutkan bahawa kementerian tersebut ada mengeluarkan pinjaman wang pusingan. Bolehkah kementerian tersebut memberikan pinjaman untuk membeli tanah ataupun membayar premium tanah bagi setiap koperasi?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ringkasnya, bolehlah. Semua bentuk pinjaman yang berasaskan kepada perniagaan dan mempunyai potensi dikembalikan wang itu. Untuk makluman, dari segi pinjaman ini walaupun kita ada wang pusingan sebanyak RM50 juta, pada tahun 1995 kita telah mengeluarkan RM19.4 juta pinjaman kepada 50 koperasi. Dalam tahun 1996, RM21 juta pinjaman kepada 72 koperasi. Jadi, jawapan kepada soalan tadi, boleh.

PEKERJA ASING BEKERJA DI RESTORAN MAKANAN SEGERA - ANCAMAN PENYAKIT BERJANGKIT

3. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa akhir-akhir ini terdapat ramai pekerja asing yang bekerja di kedai-kedai makan dan 'outlet' makanan segera. Kita maklum tempat asal mereka menghadapi pelbagai ancaman penyakit berjangkit yang merbahaya. Adakah pekerja-pekerja tersebut bebas dari ancaman penyakit kerana bukan semua yang masuk ke negara kita secara sah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawab soalan ini kerana ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini sama ada diambil terus dari negara sumber atau yang berdaftar di bawah Program Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin dikehendaki mengemukakan laporan pemeriksaan perubatan yang mengesahkan mereka adalah bebas dari penyakit berjangkit. Bagi memastikan pemeriksaan di luar negeri adalah teratur, kerajaan telah menetapkan bahawa pemeriksaan tersebut hendaklah dari klinik atau hospital yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan pengendali makanan tempatan diperiksa dan bebas daripada penyakit Hepatitis B atau AIDS?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pemeriksaan dijalankan ke atas pekerja asing yang dikawal oleh Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan juga melalui Akta Makanan 1983 dan juga Akta Kawalan Penyakit Berjangkit dari masa ke semasa akan memeriksa semua premis makanan. Kalau disyaki atau terdapat aduan dari mana-mana pihak bahawa sesuatu sedang berlaku di premis atau gerai itu, maka Kementerian Kesihatan terus bertindak. Daripada angka yang dapat saya perolehi daripada Kementerian Kesihatan, sebagai contoh, sejumlah 1,192 buah premis telah ditutup dalam tahun 1996 kerana mereka itu telah gagal dari segi akta-akta yang telah dikenakan. Dan dalam 3 bulan permulaan tahun ini, 545 premis makanan sudah ditutup. Ini semua ada sangkut-paut dengan sama ada kebersihan ataupun masalah penyakit berjangkit.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan menetapkan supaya pekerja-pekerja daripada luar ini dikenakan pemeriksaan darah setiap tahun? Dan kalau ianya dibuat, adakah syarikat-syarikat yang telah pun diluluskan bagi tujuan ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya, kerana pada masa kini Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) itu memang tempoh sah lakunya adalah setahun ke setahun. Setiap tahun bila tamat tempohnya, setiap pekerja asing itu diwajibkan untuk diperiksa oleh doktor di klinik yang disahkan, kemudian doktor itu akan ambil darahnya untuk diperiksa. Kalau sekiranya sijil pemeriksaan itu gagal, maka Jabatan Imigresen tidak akan lanjutkan PLKS dia, kecuali kalau selepas tapisan ataupun pemeriksaan kesihatan ini lulus barulah kita lanjutkan. Itu adalah salah satu faktor mengapa pekerja asing ini kita tidak beri terus permit kerja dia sehingga 3 tahun atau 5 tahun sekaligus, kita wajibkan semua datang tiap-tiap tahun. Itu salah

satu sebabnya kita hendak periksa, hendak kawal betul-betul kesihatan mereka terutamanya penyakit yang berjangkit

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa kemasukan buruh-buruh asing ini telah berlaku beberapa tahun di negara kita. Sehingga hari ini berapa ramaikah di antara buruh asing yang telah diperiksa ini dihantar kembali ke negara asal kerana mereka didapati mengidap penyakit-penyakit yang disahkan sebagai penyakit berjangkit. Dan daripada mereka yang dihantar, apakah penyakit-penyakit yang telah dikesan oleh Kementerian Dalam Negeri dan daripada negara manakah mereka ini asalnya?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini di negara kita terdapat kira-kira 940,000 lebih pekerja asing yang sah, iaitu sudah lulus pemeriksaan perubatannya. Bagi mereka yang gagal ataupun mempunyai penyakit berjangkit, rekod ini sebenarnya disimpan oleh Kementerian Kesihatan kerana Kementerian Kesihatan mewajibkan semua doktor menghantar laporan itu kepada mereka dan mereka simpan. Dari segi imigresen, kita hanya ada rekod menghantar balik jumlah pekerja asing yang tidak sah ataupun yang gagal mematuhi semua syarat imigresen. Saya mohon maaf tidak dapat beri angka yang spesifik, tetapi sepanjang ingatan saya soalan ini pernah dijawab oleh Kementerian Kesihatan di Dewan Rakyat. Mungkin pada peluang yang akan datang, bolehlah kita rujuk kepada Kementerian Kesihatan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanjiran pekerja-pekerja asing ke negara kita ini risiko penyakit berjangkit yang dibawa oleh mereka memanglah amat membimbangkan. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kesihatan, bagaimana tentang pembantu-pembantu rumah yang mendidik anak-anak di negara kita Malaysia ini. Apakah mereka ini dikesan mengenai penyakit-penyakit berjangkit? Dan kalau ada, bagaimanakah langkah yang dibuat oleh kerajaan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian Dalam Negeri, sekiranya pembantu rumah itu mempunyai penyakit berjangkit, kita terus batalkan permit kerjanya dan kita kena hantar mereka balik, mereka tidak boleh jadi pembantu rumah. Itulah satu

syarat yang diwajibkan. Jadi, saya rasa tidak ada timbul soal bahawa pembantu rumah yang mempunyai penyakit sebab mereka itu masih dikawal selia dan kita terus tidak beri dia bekerja lagi.

PEMANDU TEKSI/BAS AWAM DI BANDARAYA KUALA LUMPUR - KURSUS PROFESIONAL

4. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bahawa memandangkan perkhidmatan yang diberi oleh pemandu-pemandu teksi khususnya di bandar Kuala Lumpur kurang memuaskan, adakah kementerian mencadangkan memberi kursus profesional bagi tempoh yang tertentu kepada semua pemandu teksi dan bas awam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan taraf profesionalisme mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dalam usahanya memperbaiki serta meningkatkan mutu perkhidmatan teksi Lembah Klang telah merancang kursus khas pemandu teksi yang mengandungi 3 modul seperti berikut:-

- Modul I - berkenaan dengan undang-undang dan peraturan selama 24 jam;
- Modul II - mengenali Malaysia selama 24 jam; dan
- Modul III - kualiti perkhidmatan teksi selama 24 jam.

Jumlah kesemuanya - 72 jam.

Kementerian yakin bahawa di akhir kursus nanti akan dapat mencapai hasrat berikut, iaitu:

- untuk melahirkan pemandu yang berhemah tinggi yang boleh meningkatkan imej negara melalui perkhidmatan dan peranan mereka;
- melahirkan pemandu yang berpengetahuan dalam aspek-aspek penting; dan
- berkeupayaan berkomunikasi dengan berkesan.

Seramai 40 orang terdiri daripada ahli jawatankuasa persatuan teksi, pengusaha syarikat besar dan pemandu, mereka telah pun menghadiri kursus khas modul I dan II. Mereka akan menghadiri modul III pada 28hb. dan 29hb. Mei nanti.

Untuk perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, syarikat bas Intrakota Consolidated Sdn. Bhd. dan juga Park May Bhd., masing-masing ada menyediakan kursus selama satu bulan kepada pemandu yang diambil berkhidmat dengan mereka atas usaha mereka sendiri. Kementerian juga akan mengkaji untuk mewujudkan kursus khas kepada pemandu-pemandu bas awam.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang dikenakan bagi membolehkan seseorang menjadi pemandu teksi?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, masa kini masih tidak ada kriteria khas. Mereka hanya perlu ada lesen memandu, ada lesen PSV. Tetapi di masa-masa yang akan datang, mereka akan dikenakan syarat untuk melalui tiga modul ini dahulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar walaupun beberapa tindakan telah diambil oleh kementerian untuk memperbaiki perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur, tetapi sehingga kini masih lagi terdapat drebar teksi yang tidak mahu membawa penumpang ke destinasi-destinasi tertentu dan ada juga teksi-teksi yang tidak mahu berhenti walaupun teksi tersebut tidak mempunyai penumpang? Adakah ini berlaku kerana di Kuala Lumpur ini kekurangan teksi dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini? Saya rasa ramai orang awam dan juga orang yang mempunyai appointment dan sebagainya terpaksa membatalkan appointment mereka kerana perkhidmatan pengangkutan yang tidak begitu memuaskan di Kuala Lumpur.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar tentang kelemahan-kelemahan yang sedang berlaku dan setakat ini kementerian dalam program penguatkuasaan, kita telah menangkap 1,062 buah teksi kesemuanya. Daripada itu, 83 buah teksi telah dibatalkan permit teksi mereka. Proses penguatkuasaan ini berterusan. Daripada indikator yang kita dapati bahawa keadaan telah bertambah baik. Jika pada bulan Januari kita mendapat 65 kad aduan, pada bulan April kita hanya mendapat 25 aduan. 65 dibandingkan dengan 25 kad aduan.

Berkenaan dengan bilangan teksi, baru-baru ini kementerian juga telah menambah memberi permit kepada 8 syarikat yang baik, yang sedang beroperasi 850 permit, yang akan

menjadi contoh kepada teksi-teksi yang lain. Proses penguatkuasaan ini akan berterusan sehingga mereka boleh mendisiplinkan diri mereka.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Janggu.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Sairin Karno.

Tuan Yang di-Pertua: Maaflah, tentang nama ini saya belum fasih lagilah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Sairin bin Karno: Nama mahu dipusing macam ini, barangkali. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lebih kurang macam Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, cuma barangkali daripada saya, saya difahamkan bahawa pembekuan permit teksi di negeri Sabah agak lama tidak dikeluarkan, saya tidak tahu bila ianya akan dibolehkan semula.

Lagi satu, adakah rancangan kementerian untuk memperkenalkan 'Taxi Driver Of The Year'?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian Pengangkutan ada membuat program 'Taxi Driver Of The Year', tetapi di Kementerian Pembangunan Usahawan kita akan membuat anugerah 'pengusaha of the year' yang mana di bawah takluk kementerian. Lesen PSV bagi taxi driver diberi oleh Kementerian Pengangkutan. Di Sabah, saya rasa kita telah mula melonggarkan sedikit kerana Sabah dan Sarawak kita consider sebagai kes-kes khas.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam memberi kursus profesional, dalam modul-modul yang telah dibentangkan sebentar tadi, apakah ada intisari daripada modul ini pihak kementerian memberi latihan ataupun cara membudayakan pemandu teksi ini supaya sentiasa mempunyai kesopanan, budi bahasa, perkataan yang menghormati penumpang?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, memang ada.

TAMAN PERINDUSTRIAN DAN ZON PERINDUSTRIAN BEBAS - PENGAWASAN

5. **Dato' Chet Singh s/o Karam Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementerian atau MIDA pernah mengawas kedudukan taman-taman perindustrian dan zon perindustrian bebas untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan ini diselenggara, mempunyai perkhidmatan yang baik dan sentiasa dipermajukan supaya daya tarikan Malaysia sebagai pusat pelaburan bukan sahaja dapat dikekalkan tetapi dipertingkatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato'

Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memang mengambil perhatian berat terhadap penyelenggaraan dan perkhidmatan yang baik di kawasan perindustrian

termasuk dalam zon bebas. Dalam hal ini, semua aduan dan maklum balas yang diterima daripada sektor swasta mengenai penyelenggaraan dan perkhidmatan kawasan perindustrian akan disalurkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan dan penyelenggaraan kebanyakan kawasan perindustrian dan zon bebas dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri, seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan pihak berkuasa tempatan. Terdapat juga kawasan perindustrian yang dimajukan dan diselenggarakan oleh sektor swasta. Agensi pemaju dan pihak berkuasa tempatan berkaitan akan memastikan bahawa semua kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, pemasangan lampu jalan, bekalan elektrik dan air, kemudahan telekom, perkhidmatan pungutan sampah dan lain-lain disediakan dengan baik dan secukupnya di dalam kawasan-kawasan taman perindustrian zon bebas yang telah dimajukan.

Di samping itu, kementerian ini menyimpan rekod yang kemas dan yang terkini mengenai kedudukan kawasan perindustrian, terutama dari segi kawasan yang ada, harga tanah dan kemudahan infrastruktur yang disediakan. Maklumat-maklumat ini disediakan untuk bakal pelabur yang ingin mendapatkan kawasan bagi menempatkan projek-projek mereka.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak kementerian menyedari bahawa penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian yang dikendalikan oleh majlis-majlis bandaran dan kerajaan tempatan sungguh tidak memuaskan kerana majlis bandaran mempunyai tugas-tugas yang lain. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk masa-masa yang akan datang supaya pemaju-pemaju taman perindustrian ini diwajibkan menubuhkan 'management company' seperti kawasan-kawasan kondominium dan sebagainya, dan syarikat management company ini akan bertanggungjawab di atas penyelenggaraan taman-taman perindustrian ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan undang-undang untuk membenarkan management company seperti yang saya katakan tadi. Kerajaan tidak mengawal

persaingan di antara pemaju-pemaju dalam membangunkan taman-taman perindustrian, dan pembangunannya adalah berdasarkan kepada kuasa pasaran dan juga keadaan setempat. Namun begitu, penyelarasan yang ada dibuat oleh kerajaan negeri bukan setakat kerajaan tempatan sahaja, tetapi perbadanan-perbadanan ekonomi kerajaan negeri, kerana merekalah yang dapat mengenal pasti zon-zon kawasan perindustrian yang boleh dimajukan.

Saya ingin menyarankan di sini sekiranya faktor-faktor seperti suasana yang kondusif dan juga penyelenggaraan yang efisien diwujudkan di taman-taman ini tidak mungkin mereka akan berjaya sekiranya tidak diberi perhatian.

PENGLIBATAN REMAJA DALAM AKTIVITI TIDAK SIHAT - USAHA MENGATASI

6. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan akibat penglibatan remaja dalam aktiviti yang tidak sihat semakin bertambah, adakah kementerian bercadang mengambil langkah susulan dalam mengawal pusat hiburan, pusat permainan komputer, karaoke dan sebagainya di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan berkaitan dengan isu kegiatan kongsi gelap atau samseng di kalangan pelajar sekolah yang ditimbulkan pada hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tersebut ialah Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 37 buah sekolah menengah di negara kita yang didapati pelajarnya terlibat dalam aktiviti kongsi gelap. Buat masa ini, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk mengumpul rekod berhubung dengan kes pelajar diganggu oleh kumpulan kongsi gelap yang beroperasi di luar kawasan sekolah. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) memastikan sekolah mengenakan tindakan tegas terhadap pelajar terlibat;

- (ii) mengedarkan bahan edaran seperti surat pekeliling ikhtisas supaya sekolah melakukan tindakan ke arah pencegahan kegiatan tersebut;
- (iii) mengadakan program-program tertentu untuk menangani masalah salahlaku dan dadah di kalangan pelajar dengan pihak-pihak yang boleh membantu sekolah;
- (iv) mempergiatkan usaha kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi mengambil tindakan bersepadu menangani masalah sosial; dan
- (v) memastikan majlis permaufakatan negeri, daerah dan sekolah berfungsi lebih berkesan dan membantu pelajar bermasalah yang berisiko tinggi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Masalah murid-murid sekolah memang kita dengar tiap-tiap hari sekarang ini, tetapi masih lagi menjadi masalah. Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengenakan tiap-tiap murid sekolah menggunakan name tag dengan izin, menggunakan kad pengenalan sebagai penuntut walaupun setengah-setengah sekolah dan kolej ada mengenakan itu, dan apabila mereka keluar berjalan ke bandar-bandar menggunakan pakaian seperti pakaian seragam. Memang ini tidak patut, menutup kebebasan mereka. Tetapi pada pendapat saya ini adalah satu caranya untuk kita mendisiplinkan murid-murid di sekolah. Kalau perkara ini telah pun dilakukan oleh Kementerian Pendidikan hingga sekarang tidak nampak lagi kesannya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar dan akan terus mengkaji masalah dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Mengenai cadangan untuk menggunakan name tag, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa name tag itu sungguhpun kita boleh galakan pelajar-pelajar itu gunakan, tetapi untuk pelajar-pelajar tertentu yang ingin melaksanakan perkara-perkara yang kita tidak ingini, mereka boleh ambil keluar name tag mereka buang ke mana-mana pun, jadi kita tidak boleh paksa dia pakaikan name tag itu 24 jam

sehari, kerana tidak ada orang yang mungkin boleh kawal dia setiap saat. Sama ada dia mahu pakai atau tidak mahu pakai terpulang kepada pelajar itu.

Sama juga dengan uniformnya. Memang kita tentukan bahawa pelajar-pelajar apabila mereka berada di sekolah, mereka pakai uniform. Tetapi luar dari sekolah, siapa yang boleh tentukan? Hanya ibu bapa mereka sahaja. Guru-guru tidak ada masa pergi periksa ke mana dia pergi walau di super marketkah? Tidak boleh, guru tidak ada masa. Guru juga mesti semak buku dan mereka ada keluarganya yang mesti dijaga. Jadi, kita rasa yang lebih elok, kita bersama-sama dengan pihak ibu bapa dan sebagainya supaya kita bersama-sama bertanggungjawab untuk pertama, mempertingkatkan semangat pertahanan pelajar itu supaya dia lebih berdikari, supaya dia dengan sendirinya boleh jauhkan diri dari pihak-pihak yang tidak diingini. Itu boleh didapati melalui kem motivasi, kursus motivasi dan bersama-sama dengan pihak NGO dan pihak-pihak pertubuhan masyarakat setempat.

Kita boleh bersama-sama mempertingkatkan imej sekolah sebagai sebuah institusi sosial yang boleh membayangkan maruah masyarakat setempat itu. Kalau sekolah itu dan kumpulan pelajar itu boleh diterima sebagai satu petunjuk yang boleh mencerminkan taraf sosio-ekonomi ataupun maruah masyarakat setempat itu, jadi dengan itu ibu bapa akan paksakan anak-anak mereka supaya jagalah kalau yang mereka buat salah akan mencerminkan keluarga dan akan mencerminkan masyarakat setempat. Dengan adanya semangat seperti itu, kita tentukan bahawa masalah-masalah sosial yang dilakukan sekarang boleh diatasi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akhir-akhir ini kelihatan seolah-olah pihak kementerian tidak sedar bahawa pihak sekolah masih lagi cenderung untuk sembunyi maklumat mengenai masalah gejala sosial di sekolah. Sedangkan pihak sekolah sudah tentu mengetahui tanda-tanda awal apa yang berlaku di sekolah sehingga sesuatu kejadian itu didedahkan melalui akhbar. Adakah ini bermakna kegagalan kurikulum ataupun sistem pendidikan kita. Satu lagi, apakah pihak kementerian memikirkan tindakan membuang pelajar-pelajar yang terlibat dengan disiplin di sekolah bercanggah dengan dasar pendidikan negara. Sebab apabila pelajar-pelajar ini tidak diberi peluang untuk teruskan

pelajaran dan mengambil peperiksaan, maknanya kita menamatkan harapan mereka untuk terus hidup. Apakah pandangan kementerian?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua itu tentang ‘expulsion’ atau membuang pelajar-pelajar itu. Kementerian Pendidikan hanya lakukan hukuman itu ke atas pelajar-pelajar, dengan izin, ‘repeated offenders’ yang telah beberapa kali diberi nasihat, diberi bimbingan, tetapi nampaknya tidak berjaya. Untuk kes-kes yang amat serius, seperti pelajar-pelajar dengan sendirinya tidak mahu hadir sekolah selama dua bulan atau tiga bulan dan selepas beri amaran dan sebagainya nampaknya tidak ada kesan dan sebagainya, itu merupakan langkah terakhir. Tetapi namun demikian, selepas pelajar dikenakan hukuman itu, kalau ibu bapa dia sendiri buat rayuan, kita akan timbang lagi. Apa yang kita hendak supaya dia rasa sedikit tentang apabila dia tidak ada peluang berada di sekolah, kalau dia boleh buat rayuan kita akan timbang sekali lagi.

Tentang soalan pertama itu saya tidak faham.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kelihatan seolah-olah pihak sekolah cuba menyembunyikan kes-kes gejala sosial yang melibatkan pelajar-pelajar. Adakah kementerian sedar perkara ini, dan mengapakah perkara ini dibiarkan berlaku?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kita sudah beri arahan kepada semua pengetua dan guru besar supaya berkenaan dengan masalah ini tidak ada ‘cover up’. Kementerian Pendidikan tidak akan memberi perlindungan kepada sesiapa pun yang didapati cover up masalah yang berlaku di sekolah. Sebenarnya kita sudah keluar arahan kepada semua ketua dan guru besar supaya dalam kita bersama-sama mengatasi masalah sosial, kita haruslah melibatkan pihak-pihak khususnya pihak polis, kalau ada kes-kes jenayah yang berlaku di sekolah sungguhpun itu akan menjejaskan imej sekolah itu, tetapi kita mesti, dengan izin, ‘open heart’ atasi masalah itu, kita perlulah pertolongan dari pihak polis atau sesiapa pun kita panggil mereka masuk.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan pelajar telah diambil tindakan tatatertib serius?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya ada di tangan saya, iaitu bilangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan kongsi gelap itu pada tahun 1996, daripada 30 buah sekolah, jumlah pelajar yang terlibat ialah 210 orang. Kesemua kes ini kita sudah ambil tindakan tegas supaya, dengan izin, offence ini tidak akan diulangi lagi.

AKAUNTAN BUMIPUTERA YANG LAYAK DAN BERDAFTAR DENGAN JABATAN KOPERASI NEGERI SABAH - JUMLAH

7. **Tuan Haji Sairin bin Haji Karno** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapakah jumlah akauntan bumiputera yang layak dan berdaftar dengan Jabatan Koperasi Negeri Sabah. Kalau belum ada, apa tindakan dan langkah-langkah Kementerian Tanah dan Koperasi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat hanya 9 orang sahaja juruaudit di Sabah yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Koperasi dan kesemuanya adalah terdiri daripada juruaudit/akauntan bukan bumiputera.

Kementerian sentiasa menggalakkan juruaudit/akauntan bumiputera supaya mendaftar diri dengan Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membolehkan mereka mengaudit akaun koperasi-koperasi berdaftar. Dalam urusan ini Maktab Kerjasama Malaysia telah diarah untuk menangani kakurangan juruaudit koperasi khususnya juruaudit bumiputera.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana pengauditan koperasi adalah satu unit atau ada kelainannya, maka adakah kementerian bercadang - dan kini berkurangan nampaknya, untuk melibatkan Institut Audit Koperasi ataupun ICA di dalam mengeluarkan sijil-sijil bagi menambahkan jumlah-jumlah audit luar bagi keperluan gerakan koperasi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi memikirkan untuk mendapatkan kerjasama dengan ICA. Tetapi saya suka menyatakan bahawasanya Maktab Kerjasama Malaysia sedang merangka satu kaedah untuk memperbaiki, untuk menambah angka-angka juruaudit ini. Memang saya bersetuju nampaknya juruaudit-juruaudit koperasi ini makin lama makin berkurangan.

Saya tidak mahu menghuraikan apa masalahnya sebab saya rasa pun Yang Berhormat sedia maklum dan saya juga difahamkan bahawasanya seperti mana Yang Berhormat memimpin iaitu Angkasa juga mempunyai program-program tertentu untuk meningkatkan pengetahuan bagi juruaudit-juruaudit ini. Ini pun dialu-alukan oleh kementerian.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita agak sedih bila kita tahu bahawa negeri Sabah sehingga hari ini setelah sekian lama kita merdeka cuma sembilan orang juruaudit sahaja, itupun terdiri daripada orang-orang bukan bumiputera. Soalnya kenapa selama ini tidak ada satu langkah konkrit diambil untuk melatih atau melantik atau

membimbing juruaudit-juruaudit dari kalangan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian, di Sabah terdapat beberapa koperasi yang sehingga hari ini bertahun-tahun tidak dapat mengadakan mesyuarat agongnya kerana salah satu sebab kekurangan juruaudit di mana juruaudit yang sedia ada mengenakan bayaran yang agak tinggi yang kadang-kadang tidak termampu oleh pihak koperasi. Jadi saya memohon kalau boleh perkara ini dapat diatasi dengan secepat mungkin, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat, sesungguhnya kementerian lagi sedihlah daripada Yang Berhormat. Sebenarnya tanggungjawab mewujudkan juruaudit-juruaudit kalau boleh saya nyatakan dengan tidak memperkecilkan institusi yang berkenaan ialah tertanggung kepada Institut Juruaudit Koperasi. Tetapi malangnya - sebab bila kerajaan, kita kata kita nak beralih kepada Dasar Pembangunan Negara, kita hendak masyarakat itu, pihak swasta dan pihak koperasi itu memainkan peranannya sendiri dalam menentukan haluan mereka masing-masing dan kita melepaskan tangan memberi galakan dan sokongan kepada institut-institut seperti ini untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Tetapi malangnya Institut Juruaudit Koperasi ini nampaknya adalah dalam keadaan yang amat lemah dan sukar bagi kementerian untuk melakukan sesuatu kerana kadang-kadang dia bertukar pimpinan hampir terlalu kerap, setahun kadang-kadang ada dua kali. Jadi oleh itu kita telah membuat keputusan tidak boleh tunggu.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno yang kita tidak boleh tunggu dan kita telah mengarahkan Maktab Kerjasama Malaysia untuk menyejajarkan satu 'courseware' supaya kita dapat menyediakan juruaudit-juruaudit yang cekap untuk membantu semua koperasi-koperasi mengauditkan akaun masing-masing. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat.

HUTAN SIMPAN KEKAL - JUMLAH YANG TELAH DIHAPUSKAN

8. **Dato' Abdul Aziz Rahman** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kementerian sedar bahawa hutan simpan yang ada di negara kita, nampaknya semakin lama semakin pupus dengan adanya projek-projek kerajaan dan juga pembalakan secara

haram yang dilakukan serta juga dengan pengambilan tanah yang ingin dimiliki untuk tujuan persendirian dan ini sekaligus menyebabkan jumlah hutan simpan kekal semakin berkurangan di mana ianya bercanggah dengan kuota yang ditetapkan. Sila nyatakan jumlah keluasan hutan simpan yang telah dilupuskan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini kerana soalan ini berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menyedari akan kegiatan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Kekal boleh menyebabkan keluasan hutan berkurangan. Walau bagaimanapun kerajaan telah menggubal Dasar Perhutanan Negara di mana kerajaan telah mengisytiharkan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang mencukupi dan strategik di seluruh negara untuk menjamin kestabilan alam sekitar serta keperluan sumber air bersih.

Sehubungan dengan ini, Malaysia sekarang mempunyai keluasan hutan sebanyak 19.23 juta hektar iaitu meliputi 58.5% keluasan muka bumi negara. Ini adalah selaras dengan komitmen negara bahawa Malaysia akan mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan muka bumi negara sebagai hutan. Daripada jumlah kawasan hutan tersebut, sejumlah 14.29 juta hektar kawasan yang mewakili 43.5% dari jumlah keluasan tanah di Malaysia telah pun diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal yang akan diuruskan secara berkekalan. Selain daripada itu, sejumlah 3.39 juta hektar telah dikhaskan sebagai hutan perlindungan sebagai taman negara dan suaka hidupan liar.

Sehingga kini sejumlah 1.39 juta hektar Hutan Simpan Kekal telah dimansuhkan, khusus untuk tujuan pertanian. Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk menggantikan Hutan Simpan Kekal yang telah dimansuhkan ini sedang diambil dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Dengan ini kedudukan Hutan Simpan Kekal dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sama berdiri dalam satu masa ini susah. Belakang itu pula.
[Ketawa]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.
Apakah pandangan kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan jalan dengan

merangkaikan bukit-bukit tinggi iaitu di banjaran - kalau tidak silap Titiwangsa yang hendak menghubungkan bukit Genting Highlands, Fraser's Hill dan juga Cameron Highlands. Dari segi pelupusan kawasan hutan yang mungkin terjejas dengan wujudnya rangkaian jalan raya besar.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekiranya perancangan dibuat dengan baik kementerian tiada halangan jika jalan dibina untuk merangkaikan kawasan-kawasan hutan bukit di negara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa kebanyakan hutan-hutan yang telah dilupuskan itu akan diganti semula. Apakah kementerian tidak sedar supaya urusan melupuskan hutan-hutan itu dipastikan ada tempat ganti terlebih dahulu, bukan dilupus dahulu selepas itu baru usaha-usaha untuk menggantikan diambil tindakan?

Yang berikutnya, tidakkah kementerian sedar bahawa pelupusan hutan sekarang ini menyebabkan berlaku banjir yang akibat bencananya dirasai oleh orang-orang miskin?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, pelupusan kawasan hutan biasanya memang berlaku tetapi kerajaan negeri iaitu mengikut Akta Perhutanan Negara diwajibkan untuk mengganti kawasan tersebut jadi saya rasa ini tidak ada masalah untuk menggantikan kawasan-kawasan hutan yang telah dilupuskan. Sebagaimana saya katakan tadi sehingga kini 1.39 juta hektar telah dimansuhkan khusus untuk tujuan pertanian dan sekarang kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat sedang berusaha untuk menggantikan kawasan tersebut dan menggezetkan semula kawasan tersebut sebagai Hutan Simpan Kekal.

Tadi soalan yang kedua apa? [*Ketawa*]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Akibat pelupusan yang menyebabkan banjir, banjir yang tidak menentu, menyulitkan.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Setakat ini kami tidak ada maklumat tertentu berkenaan banjir akibat pelupusan kawasan Hutan Simpan Kekal.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang memujilah pihak kerajaan kerana dapat menyimpan 43% sebagai hutan kekal, 3.3 juta untuk haiwan seperti Taman Negara tetapi yang saya risanya adakah cukup kakitangan kita untuk memastikan bahawa hutan-hutan ini tidak ditebuk, tidak dicuri. Kalau Puan sendiri naik kapal terbang, naik helikopter tengok di seluruh Malaysia ini banyak hutan-hutan dara itu menjadi tidak dara lagi. [Ketawa] Yang KSK sudah tentulah banyak tetapi saya bimbang benar bahawa hutan-hutan dara ini akan menjadi tidak dara lagi jikalau penguatkuasaan kita tidak begitu cekap. Kalau Puan boleh pastikan bahawa hutan ini kekal dara, saya berasa puas hati pada hari ini. [Ketawa]

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Saya banyak terima kasih di atas kepekaan Yang Berhormat tadi tentang pelupusan hutan-hutan termasuk hutan dara. Dan saya bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama merasa kluatir juga yang hutan ini semakin lama semakin pupus. Kita ada undang-undang dan kita telah meminda Akta Perhutanan Negara tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum tidak ada undang-undang yang 100% berkesan. Jadi oleh itu di antara langkah-langkah yang kita ambil untuk menentukan supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh meningkatkan pembalakan secara haram, banyak langkah-langkah yang pihak kementerian laksanakan termasuk meminta kerjasama dari orang ramai memaklumkan kepada kerajaan sekiranya ada dikesan pembalakan haram di negara ini.

Jadi beberapa langkah telah kami ambil termasuk menyebarkan dengan lebih meluas maklumat-maklumat mengenai implikasi perlaksanaan Akta Perhutanan Negara supaya semua pihak yang terlibat dalam aktiviti pembalakan haram memahami denda-denda dan paneliti yang telah di pertingkatkan seperti termasuk penjara mandotari bagi pembalakan haram dan denda sehingga RM500 ribu. Juga kami mengadakan sistem memberikan hadiah kepada orang awam dan pegawai- pegawai perhutanan untuk memberi maklumat dan membantu usaha-usaha membanteras pembalakan haram dan kami melaksanakan dengan kerjasama angkatan tentera dan Polis DiRaja Malaysia melaksanakan rondaan dan kawalan untuk mengesan pembalakan-pembalakan haram. Jadi ini di antara langkah-langkah yang kami ambil, kami akuihah tidak ada undang-undang 100% boleh menentukan yang pembalakan haram ini tidak berlaku.

PROJEK LRT - CADANGAN PEMBERIAN SUBSIDI BAGI MENGURANGKAN HARGA TAMBANG

9. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memberi bantuan subsidi kepada pengangkutan di Lembah Klang seperti projek Sistem Aliran Ringan (LRT) yang mengeluarkan tambang yang tidak wajar. Jika ada apakah bentuk subsidi yang diberi seperti pengecualian cukai dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pada masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memberi bantuan subsidi bagi perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang. Kadar tambang LRT yang telah pun ditetapkan adalah berpatutan jika dibandingkan dengan kadar tambang bas dan tambang teksi. Kadar tambang LRT menggunakan kombinasi sistem tambang terapung dan mengikut jarak perjalanan iaitu minimum 0.75 sen dan maksimum RM2.95 sen.

Jarak laluan LRT Star Fasa 1 ialah 12 kilometer kalau dibandingkan dengan perkhidmatan awam yang lain tambang LRT ini adalah tinggi sedikit daripada bas, tetapi lebih murah daripada teksi. Kalau diambil kira masa perjalanan pula, penggunaan LRT adalah lebih cepat dan selesa. Masa menunggu di waktu masa puncak ialah kurang daripada lima minit bagi LRT Star Fasa 1 dari satu stesen ke satu stesen dan waktu bukan puncak masa menunggu ialah antara lima ke lapan minit sahaja dan masa menunggu bagi masa di antara jam 10.00 malam dan 12.00 tengah malam ialah antara lapan ke lima belas minit.

Keseluruhan masa perjalanan dari stesen Ampang ke stesen Sultan Ismail sejauh 12 kilometer hanya memakan masa kurang daripada 30 minit iaitu antara 20 ke 25 minit berbanding dengan pengangkutan awam yang lain yang memakan masa lebih daripada 30 minit serta keadaan kesesakan lalu lintas yang dihadapi sekarang ini. Kerana itulah LRT ini nampaknya lebih selesa dan lebih cepat dan lebih murah daripada teksi walaupun tinggi sedikit daripada tambang bas.

AJARAN SESAT - USAHA JAKIM UNTUK MEMBIMBING UMAT ISLAM

10. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan langkah dan usaha yang benar-benar berkesan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam

(JAKIM) untuk membimbing umat Islam memahami konsep akidah Islam sebenarnya bagi mengelakkan lebih ramai lagi umat Islam yang mengikuti ajaran sesat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah dan usaha-usaha yang diambil bagi mengelakkan lebih ramai umat Islam yang mengikuti ajaran sesat ialah:-

- (i) memperteguhkan kefahaman akidah melalui ceramah dan kursus-kursus dakwah sama ada bersiri ataupun tidak bersiri. Ia juga disalurkan dalam pelbagai bentuk media massa dan media elektronik dengan diberi penekanan dan tumpuan kepada pegangan Ahlil Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) memperluaskan kefahaman umat Islam tentang pelbagai aliran dan fahaman yang wujud melalui ceramah, kursus dan penerbitan bagi membezakan antara yang menyeleweng dan yang benar. Sebagai contoh, umat Islam diberi penjelasan tentang kumpulan Al-Arqam, Syiah, Qadiani dan seumpamanya;
- (iii) menapis dan menyekat kemasukan dan penyebaran bahan-bahan penerbitan yang menyeleweng dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang ke atas penyebar ajaran sesat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah ukuran keberkesanan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk memberi kefahaman tentang konsep Islam yang berlaku sekarang ini, adakah dari segi kehadiran orang ramai dalam satu forum ataupun perjumpaan. Sekarang ini banyak forum perdana, ceramah, kursus seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dan Yang Berhormat katakan ini ada kesan. Apakah ukuran keberkesanan itu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, payah saya hendak memberi ukuran ataupun kekesanan, sebab perkara akidah, iman, niat, buat kerja yang baik, jauhkan kerja yang jahat itu adalah individu kerana kita kedapatan sekarang, kita soallah sesiapa sahaja orang Islam, kita menanya: "Apakah kalau tidak berpuasa itu berdosa?" Semua mereka

akan menjawab 'berdosa'. Tetapi, kadangkala kita akan mendapati ramai orang Islam yang tidak berpuasa. Kalau kita bertanya: "Apakah hasad dan dengki itu sifat mazmumah yang tidak baik?" Dia akan menjawab: "Jelas, memang ini sifat tidak baik!" Tetapi, kedapatan ramai di antara mereka yang melakukan kerja-kerja yang tidak baik, merekalah yang lebih kuat hasad dan dengki.

Jadi, masalah ukuran bagi menentukan kekesanan ini amatlah sukar, ini terpulanglah kepada individu yang berkenaan bagaimana dia menilai dirinya sendiri dalam usaha ini. Kita hanya mempamerkan benda yang baik patut dibuat sebagaimana dikehendaki Islam, tetapi bagi membuatnya itu terpulanglah kepada individu.

Tetapi, walau bagaimanapun, kita kedapatan sekarang, jelas, kalau dahulu sembahyang Jumaat misalannya, masjid-masjid apatah lagi kadangkala masjid yang besar jarang-jarang kita mendapat jemaah yang penuh menghadiri sembahyang Jumaat, tetapi sekarang Alhamdulillah! Kadangkala walaupun masjid itu besar tetapi melimpah umat-umat Islam baik tua, muda, datang bersembahyang Jumaat. Saya anggap inilah di antara salah satu kesan yang baik kepada umat kita bagi mengerjakan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah S.W.T.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pendirian kerajaan terhadap pertumbuhan kumpulan-kumpulan tarikat di negara ini yang semakin bertambah terutamanya pengaruh daripada Turki dan Iran?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kumpulan tarikat ini baik daripada mana sekali pun bukan sahaja daripada Turki dan Iran, banyak lagi negara-negara lain yang cuba mengamalkan kumpulan tarikat. Tarikat ini pada asalnya kalau betul bawanya memanglah perkara itu baik. Tetapi, kadangkala ada di antara mereka menggunakan tarikat ini untuk kepentingan yang lain, inilah yang menjadi menyeleweng. Sebab, apabila kadangkala ahli tarikat ini menyeleweng kerana beberapa sebab dan inilah yang dikatakan menyebabkan ajaran menyeleweng.

Mana-mana orang yang menjadi ketua tarikat ataupun pengajaran yang menyeleweng, motifnya ada di antaranya empat perkara. Yang pertama, kumpulan ini ketuanya hendak berkuasa. Yang kedua, hendak pengaruh. Yang ketiga, hendak perempuan. Yang keempat, hendak harta.

Inilah dia! Carilah mana-mana tarikat yang dibawa oleh manusia itu yang menyeleweng ini kerana disebabkan oleh empat perkara tersebut. Tetapi, kalau tarikat yang baik mengajak manusia membuat perkara yang baik, benda itu tidak salah. Sebab tarikat ini adalah jalan untuk menuju kepada kebenaran, jadi benda itu adalah baik tetapi kadangkala orang yang membawa itu digunakan untuk melakukan benda-benda yang salah.

Jadi, baik daripada negara mana sekali pun, kita kena melihat kalau orang itu orang Islam membawa ajaran yang baik, tidak kira, sebab Islam ini menyeluruh, bukan Islam untuk orang Melayu sahaja, bukan Islam untuk orang Cina sahaja, bukan Islam untuk orang Turki - menyeluruh kepada sesiapa sahaja, apa sahaja ajaran Islam yang baik, siapa yang membawa tak kira mana bangsa sekali pun, benda yang baik memang baik. Itu boleh diikuti dan kita boleh belajar dengan sesiapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.”[13hb. Mei 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong. Berapa minit lagi agaknya hari ini Yang Berhormat hendak berucap?

3.38 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya minta satu jam, tetapi Tuan Yang di-Pertua kata sepuluh minit, tetapi sahabat saya Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, dia kata setengah jam. Jadi, saya ingat setengah jam adalah munasabah dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari yang bersejarah kepada saya dan beberapa orang sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini kerana pada 15hb. Mei tahun yang lalu, saya dan beberapa orang sahabat mengangkat Sumpah menjadi Ahli Dewan Negara. Jadi, hari ini adalah ulang tahun pertama bagi kita menjadi Senator.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh tentang jalan alternatif, saya telah mengatakan apa sebabnya kerajaan jangan sekali-kali mewartakan jalan alternatif kerana jalan ini adalah untuk orang miskin, untuk orang yang tidak sanggup membayar tol dan mereka menggunakan jalan ini. Pada masa dahulu kerajaan telah mengatakan, jalan alternatif boleh digunakan dengan tanpa bayaran.

Jadi, hari ini saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya supaya jangan sekali-kali mewartakan jalan alternatif.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan N. Marimuthu: Minta laluan!

Tuan Yim Chee Chong: Oh, minta laluan ya, boleh!

Tuan N. Marimuthu: Semalam, Yang Berhormat kawan saya sebut nama sebab tol atau kenaikan bayaran tol itu sebab Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu. Dalam hal ini tidak seharusnya menyebut nama menteri kerana keputusan ini dibuat oleh kerajaan atau Kabinet. Saya minta jangan sebut nama menteri.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, menyebut nama menteri ini bukan satu hak yang tidak baik. Saya sebutkan menteri oleh kerana saya menghormatinya, saya ingat akan namanya, ini tidak salah! Saya sebut menteri Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, tidak ada salah! Kalau dia ada di sini, dia gembira saya menyebut namanya lagi masyhur dan terkenal. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tentang bayaran tol. Bayaran tol pada hari ini, saya telah menerima aduan dari rakyat jelata yang mengatakan bayaran ini adalah amat tinggi. Misalnya dari Seremban ke Kuala Lumpur lebih kurang 45 minit sahaja perjalanan, tetapi bayaran tol adalah sebanyak RM6.10. Saya datang ke Kuala Lumpur hendak membayar RM6.10 tetapi saya pulang ke Seremban hendak bayar RM6.10 berjumlah RM12.20 setiap hari, ini resitnya Tuan Yang di-Pertua. *[sambil menunjukkan resit tol]* Ini bayaran tol!

Kalau seseorang driver dari selatan ke utara bayarannya lagi tinggi, saya ingat lebih dari RM100 one way sahaja, kalau perjalanan pergi dan balik saya ingat lebih kurang RM200, orang biasa mana sanggup membayarnya?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, bayaran tol ini adalah amat tinggi. Saya pun sudah menerima aduan dari rakyat jelata. Tahun yang lalu, Menteri Kerja Raya, jadi, saya tak sebut namanya! Menteri Kerja Raya dalam jawapan soalan saya mengatakan kerajaan pernah menandatangani surat perjanjian dengan pihak PLUS dalam mana setiap tiga tahun boleh mengkaji semula, review bayaran tol. 'Review' maknanya naik bayaran bukan turun. Kita harap satu hari akan review untuk turun bukan naik. Beliau mengadakan setiap tiga tahun, review the agreement naik

bayaran. Dari pandangan undang-undang sebagai seorang peguamcara dan peguambela, saya ingin mengatakan agreement ini kerajaan harus menghormati agreement yang sains dengan mana-mana satu pihak sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Akan tetapi kalau sekiranya agreement itu ada kena-mengena dengan public interest, jadi, kita harus mengkaji semula tentang 'term and condition of the agreement'.

Kalau agreement ini dicabarkan dalam mahkamah, mahkamah boleh menahan kenaikan bayaran tol. Kalau tuan hakim itu berdasarkan kepada prinsip 'public interest', berapa kali saya ingin tanya pihak PLUS, berapa kali lagi mahu dinaikkan bayaran tol. Satu kali naik, rakyat jelata pun tidak tahan, jadi berapa kali mahu dinaikkan? Tiga tahun sekali, tiga tahun sekali. Setiap kali pihak PLUS mengatakan rugi, rugi berapa juta? Tetapi pada hemat saya macam mana boleh rugi - untung berapa juta satu tahun. Jadi, kalau sekiranya rugi kita minta pihak PLUS mengumumkan statement of account - penyata kira-kira kepada rakyat jelata, macam mana mereka boleh rugi. Oleh itu, saya harap Kerajaan Persekutuan jangan begitu lemah terhadap tuntutan PLUS pada masa yang akan datang.

Saya sebagai seorang Senator menjalankan tugas dengan semangat 'Without Fear or Favour'. Saya telah mengatakan saya oppose kenaikan tol itu dengan tidak berpatutan demi kepentingan rakyat jelata dan pembangunan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya menyentuh tentang cadangan pindaan Legal Profession Act tahun 1976. Ada cadangan dari kehakiman yang mengatakan Legal Profession Act akan dipinda, menghadkan praktis peguambela dan peguamcara dalam mahkamah. Cadangan adalah seperti berikut:

Kalau seseorang lawyer praktis selama 7 tahun barulah dibenarkan mengendalikan dalam Mahkamah Tinggi. Kalau sekiranya seseorang peguam years of standing lebih dari 10 tahun barulah dibenarkan mengendalikan kes dalam Mahkamah Rayuan (Court of Appeal) dan Mahkamah Persekutuan (Federal Court). Ini adalah menghadkan kebebasan peguam mengendalikan kes dalam mahkamah.

Baru-baru ini iaitu pada 22hb. Mac, 1997 Majlis Peguam Malaysia (Malaysian Bar Council) mengadakan AGM, dalam mana dengan sebulat suara, semua peguam yang menghadiri diri dalam AGM itu meluluskan satu resolution menentang cadangan pindaan Legal Profession Act ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya sudah praktis selama 10 tahun, iaitu tidak kena-mengena dengan saya. Tetapi untuk kepentingan sahabat saya, saya ingin mengatakan kalau pindaan itu adalah tidak berasas, kalau seorang lawyer qualify untuk menjadi lawyer, bebas mengendalikan kesnya di mana-mana satu mahkamah, sama ada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Kalau kita melantik seorang hakim, kalau kita katakan praktisnya lebih dari 10 tahun baru boleh dilantik sebagai seorang hakim - itu yang saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan kita supaya terus mengamalkan Legal Profession Act tahun 1976 yang diamalkan selama ini, jangan dibuat apa-apa pindaan terhadapnya. Kalau buat pindaan Bar Council dan peguam-peguam di negara kita ini akan bangkit menentang pindaan ini.

Kita ingin merapatkan Kerajaan Persekutuan dengan Malaysian Bar Council, jangan menimbulkan apa-apa salah faham. Jika ada apa-apa undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita harap akan mendapat sokongan daripada Malaysian Bar Council.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang peruntukan Ahli Dewan Negara. Saya telah ditugaskan menyebut perkara ini di Dewan yang mulia ini, pada petang ini. Saya difahamkan bahawa baru-baru ini Ahli Dewan Rakyat peruntukannya ialah dari RM300,000 setiap tahun telah dinaikkan sebanyak RM500,000 - peruntukan seorang Ahli Parlimen, tetapi Ahli Dewan Negara cuma RM100,000 sahaja untuk satu term. Ini bermakna satu tahun adalah RM33,300. Ini pada hemat saya adalah amat kurang, jadi saya telah berjumpa beberapa orang ahli-ahli Senator, jadi mereka minta kalau boleh kita naikkan peruntukan Dewan Negara

sekurang-kurangnya RM100,000. Wang ini bukan untuk Senator, tetapi adalah untuk persatuan-persatuan, sekolah-sekolah, masjid-masjid, temple-temple, kuil-kuil dan persatuan-persatuan kebajikan. Diharap permintaan Senator ini akan dapat diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh jurubahasa mahkamah di Malaysia. Yang Amat Arif Tan Sri Eusoff Chin, Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan pada 15hb. Mac, 1997 - di Kuala Terengganu mengatakan kebanyakan kes mahkamah ingin proceed perbicaraan, tetapi terpaksa ditangguhkan oleh kerana kekurangan jurubahasa, terutama jurubahasa Tionghua. Sebanyak 58,000 kes pada tahun 1995 ditangguhkan dan sebanyak 26,000 kes ditangguhkan pada tahun 1996 oleh kerana kekurangan jurubahasa mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kekurangan jurubahasa? Ini adalah kerana kerjanya berat, gajinya amat kurang, peluang kenaikan pangkat kurang, sebab itu ramai orang tidak mahu meminta jawatan jurubahasa mahkamah. Ada orang yang sudah menjadi jurubahasa mahkamah, tidak lama kemudian mereka pun meletak jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kekurangan sebanyak 120 jawatan jurubahasa di Malaysia. Di Kuala Lumpur sahaja mengikut laporan akhbar yang mengatakan 'Di Kuala Lumpur ada sebanyak 11 buah Mahkamah Tinggi, Bahagian Sewa dan Komersial, cuma seorang jurubahasa sahaja. Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur cuma 4 orang jurubahasa sahaja, ramai yang meletak jawatan.' Mengikut kajian, gaji jurubahasa yang mempunyai kelayakan SPM starting adalah RM500 sahaja, kelayakan STPM starting RM800. Tetapi jikalau mereka bekerja di luar satu hari mereka boleh mendapat RM350 hingga RM600 - cuma sehari sahaja. Kalau bekerja dengan kerajaan (mahkamah) satu bulan hanya mendapat gaji RM500 sahaja. Jadi, saya memohon kepada kementerian supaya memperbaiki syarat-syarat orang yang menjadi jurubahasa di dalam negara kita ini. Jika condition baik, ramai orang akan meminta jawatan jurubahasa, jadi kes-kes yang ditangguhkan itu masalahnya akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh tentang tower communication. Pada tahun yang lalu dalam Dewan yang mulia ini, saya pernah juga menyentuh tentang perkara ini, tetapi pada hari ini saya ingin memperingatkan kepada Dewan Negara bahawa tower communication, banyak syarikat besar mereka tidak mengindahkan keselamatan penduduk-penduduk, mereka dengan sewenang-wenangnya memasang tower di mana-mana sahaja. Ada yang memasang atas bumbung rumah orang.

Yang Berhormat Dato' Kan Kok Kwan ada di situ, di belakang rumahnya pun ada satu tower dipasang cuma 14 kaki sahaja dari bilik tidurnya. Dia memberitahu sahaja, dia kata pada waktu malam tidur pun 'tidak syok, tidak nyenyak' sebab dia takut pada satu hari nanti akan menghidap penyakit. Sungguhpun pada hari ini ada orang yang mengatakan tidak ada bukti sahih yang membuktikan tower itu menyebabkan penyakit, akan tetapi mengikut Sydney Medical Journal yang mengatakan lepas 15 tahun ada orang yang menghidap penyakit kanser kerana tower itu dan juga di Auckland University, New Zealand seorang profesor psikologi yang mengatakan seramai 570 orang yang mengambil bahagian dalam kajian di mana mereka mengatakan tower itu boleh menyebabkan kanser dan lain-lain penyakit pada tubuh manusia. Seorang budak mungkin juga menghidap penyakit kanser kerana tower di tempatnya, jadi saya memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memerintahkan semua Kerajaan Tempatan memberi laporan kepada kementeriannya di mana ada tower yang dipasang dengan tidak mempunyai kebenaran, diminta mereka menurunkan tower itu.

Saya difahamkan bahawa di Seremban ada orang, ada syarikat yang memasang tower communication di atas bumbung rumah orang, selama dua tahun pun tidak mahu menurunkannya. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Tempatan, kalau mereka tida mahu menurunkannya, maka pihak berkuasa tempatan boleh menurunkan tower di atas bumbung rumah orang itu demi kepentingan penduduk-penduduk, kemudian bilkan syarikat itu untuk membayarnya ataupun mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa saya sudah sampai, sungguhpun saya mempunyai banyak isu lain yang belum sempat menyentuhnya, jadi setakat inilah perbahasan saya dalam Titah Ucapan Di-Raja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha.

4.00 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul Titah Ucapan DiRaja yang telah pun dibahaskan oleh beberapa orang rakan sebelum ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun berjaya menyampaikan satu Titah Ucapan yang begitu kemas yang menyentuh dalam setiap aspek termasuklah dalam bidang ekonomi, sosial, agama, keselamatan dan sebagainya.

Setelah meneliti Titah Ucapan DiRaja ini, saya merasa berbangga kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu berpuas hati dengan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya bersyukur kepada Allah kerana dengan berkat usaha yang dijalankan oleh kerajaan, keadaan politik yang mantap dan teguh di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Dengan kestabilan politik ini dengan secara langsung dapat meningkatkan ekonomi negara yang pesat dan ekonomi negara yang pesat ini dikagumi oleh keseluruhan negara-negara di dunia ini. Kalau kita lihat kebanyakan negara-negara membangun masih lagi menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi dan juga keadaan ekonomi mereka yang tidak seimbang dalam kadar pengangguran dan inflasi yang tinggi, tidak seimbang kadar ataupun keadaan penduduk yang terlalu jauh jurang yang secara langsung menghakis perpaduan sosial dan merupakan salah satu sebab utama wujudnya keadaan sosio politik yang tidak stabil. Tetapi, negara kita sudah menampakkan kepesatan ekonominya yang melahirkan ramai usahawan yang berjaya, bahkan

negara kita juga merupakan sebuah negara Islam yang menjadi contoh di bidang kepesatan pembangunan ekonominya kepada negara-negara Islam yang lain hasil daripada kecekapan dan kebijaksanaan yang telah ditunjukkan oleh pemimpin di negara ini terutama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad - Perdana Menteri kita dengan hasil kebijaksanaan yang telah dijalankan itu Perdana Menteri kita telah dianugerahkan oleh beberapa negara dengan pingat-pingat ataupun bintang-bintang penghormatan termasuklah dari negara Arab Saudi, Kuwait dan Afrika Selatan. Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah menunjukkan kewibawaan kepimpinannya yang telah dikagumi oleh dunia bahkan dunia-dunia Islam.

Walaupun kita lihat dan kita dengar masih ada sindiran-sindiran sinis dan negatif daripada parti-parti pembangkang, yang kononnya memperkecil-kecilkan kepesatan ekonomi negara, bahkan mereka merasakan seolah-olah apa yang telah pun dicapai oleh negara kita kini tidak membawa apa-apa hasil kepada mereka, saya berbangga dengan apa yang telah dicapai oleh negara kita, dengan apa yang telah pun ditunjukkan oleh negara kita dari soal-soal ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, walaupun kejayaan telah dicapai tetapi kita masih lagi menghadapi masalah ketidakseimbangan golongan usahawan kelas pertengahan di kalangan bumiputera. Seperti yang pernah dibangkitkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed baru-baru ini, kita masih belum boleh berbangga dengan pencapaian ekonomi bumiputera khususnya orang-orang Melayu. Tidak dinafikan kehadiran beberapa nama besar di dalam bidang ekonomi membanggakan kita, namun dari segi kuantiti dan bilangannya, mereka masih kurang. Mengapa setelah 39 tahun mencapai kemerdekaan dan kemakmuran ekonomi, masalah mewujudkan usahawan bumiputera kelas pertengahan masih diperdebatkan? Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan sebelum ini tidak sesuai dan masih gagal?

Dalam mencapai matlamat asalnya, apa yang berlaku ketika ini ialah jurang yang membabitkan kejayaan antara kaum dalam bidang ekonomi masih meluas. Dasar ekonomi baru berjaya melahirkan masyarakat Melayu pertengahan tetapi majoriti mereka terdiri daripada pegawai tinggi kerajaan dan bukannya kumpulan yang lahir daripada hasil usaha perniagaan di peringkat bawahan. Berbanding kaum-kaum lain, kehadiran mereka dalam dunia perniagaan seterusnya adalah keupayaan mereka membantu kelas menengah yang mantap perlu dilihat dengan penuh rasa kesedaran dan serius oleh kita semua. Kalau pendekatan yang diambil gagal melahirkan usahawan bumiputera kelas menengah yang berjaya, kini pendekatan yang lebih bersepadu dan drastik daripada pihak kerajaan dan swasta perlu dipergandakan di samping pertolongan daripada kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai peranan yang berkesan dan efektif.

Kementerian perlu sentiasa prihatin dan menyedari bahawa pendedahan yang lebih meluas kepada peluang-peluang perniagaan dalam bidang pengurusan vendor dan franchise dan pemilikan saham merupakan antara jalan-jalan yang dikenal pasti bagi mengatasi masalah usahawan kelas menengah. Kerajaan perlu mewujudkan keseimbangan melalui strategi kerajaan, pendekatan Dasar Ekonomi Baru untuk mewujudkan kelas menengah melalui usaha-usaha menonjolkan beberapa orang yang berkeupayaan dengan harapan boleh menarik bumiputera yang lain untuk menyertai mereka. Hasilnya, Tuan Yang di-Pertua, hanya segelintir golongan sahaja yang diketengahkan dan boleh dikatakan berjaya tetapi sumbangan mereka untuk menarik usahawan bumiputera yang lain tidak begitu menggalakkan. Mereka yang diharapkan untuk membantu tidak berperanan, malangnya usaha dan tanggungjawab terus dibebankan kepada kerajaan. Usaha untuk mewujudkan usahawan kelas pertengahan secara beramai-ramai masih menemui jalan kegagalan. Tidak semua yang berjaya, malah jumlah yang gagal lebih banyak dibandingkan dengan yang berjaya.

Di dalam kesempatan yang ada kini terlalu banyak institusi yang menawarkan kemudahan dari segi pinjaman, bimbingan dan latihan, tetapi malangnya masih ramai di kalangan orang

Melayu yang tidak tahu bagaimana untuk memperolehi segala-galanya itu. Di manakah silapnya, apakah pihak kerajaan dan kementerian memandang serius perkara ini dan apakah langkah berkesan untuk mengatasinya? Selalunya mereka yang datang untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan itu adalah daripada mereka yang telah berjaya dengan layanan-layanan yang lebih istimewa. Usahawan kecil lebih suka menggunakan sumber sendiri.

Sebagai pemimpin wanita saya sering dikunjungi oleh usahawan-usahawan kecil wanita dari luar-luar bandar terutamanya di negeri Kelantan yang sudah terkenal sebagai sebuah negeri yang ramai daripada usahawan usahawan dan peniaga-peniaga kecilnya adalah terdiri daripada kaum wanita, bahkan majoriti daripada peniaga-peniaga yang ada di negeri Cik Siti Wan Kembang itu adalah daripada golongan wanita. Mereka ini selalu memberi sungutan bahawa apabila mereka ditunjukkan jalan ke arah kemudahan-kemudahan yang perlu mereka diberikan cara bagaimana tetapi mereka nampaknya kurang berminat. Bila saya telah memberi mereka sedikit penerangan dan bimbingan, tetapi mereka telah menyatakan kepada saya bahawa mereka tidak mempunyai minat dengan alasan bahawa birokrasi yang terlalu menghimpit mereka. Keadaan-keadaan syarat-syarat dan juga peraturan-peraturan yang mencengkam kepada mereka, bahkan ada mereka mengatakan mereka juga tidak sanggup menanggung bebanan hutang dengan pinjaman-pinjaman. Mereka juga tidak diperjelaskan dan dibimbing dengan sebaik-baiknya.

Semuanya ini perlu didedah, dijelas dan dibimbing oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk membantu mereka bukan sahaja dari segi bimbingan dan keyakinan diri tetapi cara untuk mendapatkan modal bagi membiayai atau membesarkan perniagaan mereka. Kelemahan yang ketara yang perlu disedari oleh kementerian ialah dari segi kekurangan penyebaran maklumat. Kebanyakan usahawan-usahawan kecil terutama di luar bandar tidaklah mengetahui peluang-peluang yang ada yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Saya mengharapkan supaya setiap pihak menyedari perkara ini dan bertindak secara positif yang akan melahirkan usahawan-usahawan bumiputera golongan pertengahan. Cita-cita kerajaan untuk

melahirkan lebih ramai usahawan kelas menengah dialu-alukan kerana program ini adalah kesinambungan program Dasar Ekonomi Baru yang telah pun dijalankan oleh kerajaan.

Pertanyaan saya ialah siapakah yang akan mengisi segmen ini, adakah kelompok-kelompok tertentu sahaja yang mereka sudah pun terpilih? Saya mengharapkan supaya perkara-perkara ini hendaklah dipupuk bukan sahaja di peringkat yang telah pun berjaya tetapi di peringkat akar umbi supaya ianya dapat dikecapi nikmat ini oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya masyarakat-masyarakat yang mempunyai perniagaan yang kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam soal rasuah. Semalam dan dua hari yang lepas kita telah pun memperdebatkan soal rasuah, bahkan soalan rasuah telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan begitu serius. Masalah rasuah ini telah dibincang oleh rakan-rakan saya tetapi saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bercakap dalam soal rasuah. Rasuah ini bukannya perkara baru. Ianya sudah lama diperkatakan, bahkan lebih lama daripada soal-soal sosial yang negatif. Masalah rasuah ini boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan oleh sesiapa sahaja. Rasuah diibaratkan sebagai kanser dan juga barah yang kalau dibiarkan ia boleh menghancurkan segala-galanya, pentadbiran dan pengurusan negara akan turut lemah. Kesannya bangsa dan negara kita tidak dihormati. Pelabur asing takut melabur, lama kelamaan kestabilan dan kemakmuran negara akan terjejas dan ia boleh menggadai maruah bangsa dan agama serta negara. Masyarakat menjadi hina kerana kerakusan dan ketamakan rasuah. Apakah ertinya kemakmuran dan kemewahan kalau ianya dapat dengan cara yang luar biasa hingga mengakibatkan kemerosotan nilai peribadi, moral, etika dan akhlak.

Apakah gejala rasuah dapat diatasi dengan undang-undang sahaja. Beberapa rakan-rakan saya dua tiga hari yang lepas telah mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya pindaan-pindaan dibuat mengenai undang-undang dan akta rasuah supaya ianya lebih berkesan dan ianya lebih dapat mengawal rasuah di dalam negara ini. Tetapi kepada saya undang-undang sahaja belum cukup kerana dalam soal rasuah ini, ianya datang dari hati nurani setiap penduduk dan juga hati nurani setiap mereka yang melakukan perkara tersebut. Rasuah ini bukannya perkara

yang datangnya daripada bentuk fizikal tetapi ianya datang daripada dorongan di dalam hati yang negatif.

Maka oleh yang demikian, masalah ini ianya perlu, pertama, penerapan dan penghayatan Islam sebagai Addin mestilah diterap sebenar-benarnya di dalam jiwa penduduk. Ertinya, penekanan kerajaan di bidang kerohanian walaupun kita telah berjaya, kebanggaan kita terus merangkumi mengenai ekonomi tetapi kita masih lagi gagal dalam soal pembentukan kerohanian kepada rakyat di dalam negara ini, terutamanya dalam soal-soal rasuah.

Pendidikan mengenai penerapan dan penghayatan ini yang murni dalam bidang Islam ini perlu diberi pandangan yang serius oleh pihak kerajaan, terutama kepada mereka yang diberi tanggungjawab dalam melaksanakan kuasa-kuasa sama ada di dalam apa bidang sekalipun. Kita juga perlu menanamkan sifat keimanan yang termaktub dan tergantung kepada qada' dan qadar, dosa dan pahala serta pembalasan di akhirat. Ini juga perlu dipupuk di kalangan rakyat.

Di samping itu, saya juga ingin menyatakan di Dewan ini bahawa perimbangan pembangunan fizikal dan pembangunan rohaniah hendaklah diwujudkan. Kalau kita lihat kepada Rancangan Malaysia Ketujuh, kalau tengok kepada tajuk-tajuk yang telah diberikan, berpuluh-puluh tajuk yang menceritakan dan yang memprogramkan pelaksanaan ke arah pembangunan ekonomi, tetapi kita terlalu kurang dalam menentukan program-program ke arah pembangunan rohaniah di kalangan rakyat di negara ini. Apabila tidak ada perimbangan ini, maka ianya akan lahirlah perkara-perkara negatif. Apalah ertinya kepesatan ekonomi kalau rakyat yang ada di dalam negara kita masih lagi mengamalkan sifat-sifat negatif yang berbentuk rasuah dan sebagainya. Dalam soal ini, kita perlu menerangkan kepada rakyat betapa perbuatan rasuah boleh menghancurkan ummah dan negara.

Daripada apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, ia menyatakan bahawa dalam akta dan juga dalam undang-undang negara, penerima rasuah dan pemberi rasuah, kedua-duanya adalah diberi hukuman yang setimpal. Memang benar, ini memang bertepatan dengan ajaran Islam sendiri. Sabda Rasulullah s.a.w., dengan izin, Tuan

Yang di-Pertua, yang bermaksud: “Orang yang memberi rasuah, orang yang menerima rasuah, kedua-duanya dimasukkan ke dalam neraka”.

Tetapi apa yang telah pun berlaku di dalam negara kita ini ialah budaya rasuah ini sudah menjadi kronik. Cuma saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah kita benar-benar ikhlas untuk membentuk suatu pembudayaan ilmu akhlak kepada rakyat di negara ini untuk menghakiskan sifat-sifat negatif mengenai rasuah ini? Sifat inilah hanya dengan cara yang telah saya sebutkan tadi, sifat-sifat inilah sahaja yang dianggap sebagai perisai yang boleh menyelamatkan negara dari terlibat dengan rasuah. Penerapan nilai-nilai murni ini hendaklah sentiasa dibentuk, termasuk ikhlas, jujur, amanah, belas kasihan, kesedaran dan keinsafan, ianya perlu ditanam.

Badan pengawasan di bawah BPR perlu diwujudkan yang dinamakan, dengan izin, dalam bahasa Arabnya ‘Al-Hisbah’, bukan hendak dikatakan spy tetapi perlu diwujudkan badan pengawasan ini di tiap-tiap jabatan dan kementerian untuk melahirkan kemurnian sikap rakyat, terutama mereka yang terlibat yang memegang tanggungjawab dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal yang ketiga, saya juga ingin menyentuh dalam soal sosial. Pada masa kini ramai di kalangan kita sama ada ahli politik, ahli akademik, media massa bercakap dalam soal sosial. Soal pelaksanaan perkara perlakuan negatif oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terutama golongan remaja adalah berlaku dengan secara berleluasa dalam negara kita, tetapi cara untuk membanteras soal sosial ini bukannya secara individual tetapi secara kolektif. Saya berbangga setelah perkara ini disebut dan disedari oleh setiap pemimpin dan juga rakyat, maka setiap kita telah pun merasa bertanggungjawab. Saya mengucapkan tahniah kepada media massa pada masa kini yang telah pun mengambil peranan yang utama. Saya melihat dan meneliti setiap akhbar, setiap majalah dan setiap pengeluaran terbitan yang ada di negara ini sentiasa mengeluarkan pandangan dan pendapat bagaimana mengatasi masalah sosial yang negatif dalam negara kita.

Cuma saya ingin menyatakan kaedah-kaedah untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak dan juga masalah-masalah yang boleh menyebabkan keruntuhan budaya di negara kita ini ialah di antaranya kita perlu mengadakan ataupun mewujudkan undang-undang yang boleh menghalang perkara-perkara negatif yang datangnya dari Barat ke negara ini.

Apa yang kita lihat pada hari ini ialah perkara-perkara negatif dari Barat terus masuk ke negara kita dengan begitu mudah sekali. Penyanyi-penyanyi, artis-artis yang rosak akhlaknya terus diberi kebenaran untuk berleluasa menunjuk dan mempamerkan budaya mereka di negara kita. Pada saya perkara-perkara yang seperti ini perlu dipandang serius oleh kerajaan kerana budaya-budaya Barat ini adalah merupakan kuman yang boleh menghancurkan sosial yang baik di kalangan kita.

Kerajaan juga perlu prihatin terhadap perkara yang telah berlaku iaitu terlalu berlembut dalam memberi ataupun mengizinkan jenis-jenis premis hiburan yang menjadi punca keruntuhan. Saya merasa sedih apabila kita bercakap tentang masalah keruntuhan sosial remaja. Kita perlu ikhlas kerana dalam kita bercakap tentang keruntuhan moral, keruntuhan akhlak, kehancuran, kewibawaan remaja kita tetapi dalam secara tidak langsung kita mengizinkan beberapa perkara yang negatif berlaku.

Sebagai wanita, saya ingin menyebut di Dewan yang mulia ini. Saya merasa tercabar maruah dan juga imej kita sebagai wanita apabila ramai daripada kaum wanita yang telah dibenarkan, terutamanya wanita Islam yang telah pun dibenarkan menganggotai pertandingan-pertandingan ratu cantik yang dianjurkan oleh beberapa pihak. Pertandingan ratu cantik ini dengan pakaian-pakaiannya yang menjolok mata. Saya telah pun meneliti keanggotaan dan juga peserta pertandingan itu adalah terdiri daripada wanita Islam.

Saya mohon kepada pihak yang berkuasa, kepada pihak kerajaan meneliti supaya kita dapat menghormati suatu undang-undang yang tertulis dalam negara kita bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini. Ertinya, negara kita sudah diiktiraf sebagai sebuah negara yang mempunyai lambang penghayatan Islamnya, tetapi bagaimana kalau sekiranya negara yang telah

diiktiraf sebagai sebuah negara Islam tetapi masih lagi membenar dan mengizinkan pertandingan ratu-ratu cantik daripada kalangan wanita Islam menjadi peserta dalam pertandingan tersebut. Saya memohon supaya setiap mereka yang bercakap tentang soal gejala sosial ini biarlah benar-benar ikhlas dan jujur bahawa mereka benar-benar ingin membanteras soal sosial ataupun keruntuhan akhlak ini dengan seikhlas-ikhlasnya.

Di samping itu juga, kehadiran sistem Internet, Measat ataupun Dasar Langit Terbuka perlu difikir secara lebih teliti, kerana apa yang telah pun kita banggakan dengan kemajuan-kemajuan di bidang Internet dan juga Langit Terbuka ini tetapi kita perlu memikirkan bagaimanakah pengawalannya kerana anak-anak muda kita terus terdedah secara langsung. Apakah kita telah membuat persiapan yang rapi di kalangan rakyat, khususnya di kalangan mudamudi kita dalam menerima perkara-perkara yang seperti ini kerana apa yang kita bimbang dalam kita membuat pengawalan dan pembendungan ini tidak akan dapat tercapai dengan baik sekiranya kita tidak dapat benar-benar memberi pendidikan ke arah mengawal mereka dalam kemajuan-kemajuan di bidang yang telah saya sebutkan tadi. Inilah perkara-perkara yang boleh menyebabkan di antara kalangan kita membawa ke arah keruntuhan akhlak dan sebagainya.

Jadi, saya berseru mudah-mudahan dengan apa yang telah pun disyorkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) tentang pelbagai kursus yang telah diadakan, termasuklah kursus kekeluargaan, kursus 'Rumahku Syurgaku' dan sebagainya. Maka mereka juga harus sedar tugas dan tanggungjawab mereka bukan sahaja di bidang dakwah Islamiah, tetapi juga bertanggungjawab dalam membanteras soal-soal sosial ini secara kolektif.

Saya memohon kepada pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya kursus keibubapaan, kursus kekeluargaan dan sebagainya yang telah pun dianjurkan oleh kementerian tersebut akan lebih ditingkatkan lagi. Saya rasa terkilan, amat malang jugalah kerana apabila diadakan kursus-kursus keibubapaan oleh pihak kementerian, sama ada oleh JAKIM ataupun oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, peserta-peserta yang menghadiri itu adalah ramai di kalangannya hanyalah kaum-

kaum ibu dan wanita tetapi kurang dihadiri oleh kaum-kaum bapa. Sebab itulah kita masih tidak dapat lagi mengatasi beberapa perkara, masalah-masalah mengenai isu-isu kekeluargaan dapat diatasi.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada pihak yang mengadakan kursus supaya lebih menekankan kepada para bapa untuk mengikuti kursus ini supaya untuk membentuk keluarga bahagia, untuk membentuk satu institusi keluarga yang benar-benar boleh melahirkan generasi yang berdisiplin, bertatasusila dan kamil pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara dan hujah-hujah yang dapat saya sampaikan di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan ini saya menyokong usul yang telah dibawa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

4.27 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammu Alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan bersama-sama berucap bagi membahas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pada hemat saya mempunyai wawasan berhemat dan mencakupi pelbagai bidang bagi menuju sebuah negara yang cemerlang, dihormati oleh seluruh dunia dan pada hemat saya sampailah pada masa dan ketikanya Titah Ucapan seperti ini diberi sokongan yang penghargaan.

Dalam mana-mana negara yang sedang menuju kepada satu negara yang membangun, negara yang menuju kejayaan dan kegemilangannya, di samping kita bertempik dan bersorak di atas kejayaan kita tetapi kita jangan lupa pelbagai masalah akan kita harungi, akan kita hadapi. Kita mestilah mewujudkan pemimpin yang dihormati dan rakyat yang bermoral. Insyallah, kalau kedua-dua ini wujud, negara kita terus kekal menuju kepada zaman gemilang yang akan dihormati oleh seluruh negara dan seluruh bangsa dalam dunia kita ini.

Oleh kerana hasrat saya juga ingin membincangkan soal korup, rasuah kerana kalau kita lihat pada ketika ini biarlah kita memperakui bahawa berlaku gejala rasuah di negara kita ini. Sekiranya pemimpin yang diamanahkan, pegawai yang dipertanggungjawabkan hanya memikirkan tentang kebendaan, maka mereka ini hanya memikirkan bagaimana cara untuk mendapatkan sesuatu dengan membelakangkan kehendak rakyat yang mengamanahkan tanggungjawab kepada mereka ini.

Apabila perkara ini berlaku, rakyat yang ikhlas, rakyat yang jujur akan merasa amat kecewa. Para belia yang diharapkan untuk memimpin negara di masa akan datang menghadapi masalah gejala sosial dengan dadahnya, dengan pelbagai masalah. Apabila kita fikirkan masalah pemimpin yang tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik, masalah belia yang diharapkan ini sedang menghadapi masalah yang amat genting, ini telah menampakkan dalam masa yang singkat kita akan menghadapi kehancuran. Walaupun perkara ini amat pahit hendak diluahkan, sebagai menunaikan tanggungjawab terpaksa diperkatakan.

Sebab itulah saya menyokong sepenuhnya di atas tindakan yang telah dilakukan oleh pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah melaksanakan dan akan melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyingkir dan menghukum mana-mana tidak kira pangkat, darjat dan kedudukan. Biarlah dilakukan pada hari ini, biarlah seorang dua terhimpit dan menangis, tetapi kejayaan, keharmonian, keyakinan, kepercayaan dan kecemerlangan yang penting. Terus terang saya katakan, kita tidak mengira sama ada pemimpin itu dari UMNO, sama ada pemimpin ini daripada MCA, MIC, Gerakan dan sebagainya. Kita harapkan mana-mana pemimpin yang menganggotai Kerajaan Barisan Nasional ini, sekiranya didapati telah menyalahgunakan kuasanya hendaklah tindakan yang sewajarnya diambil terhadapnya.

Apabila ada sahaja pertandingan untuk merebut jawatan dalam parti, terdapat orang-orang yang berkuasa, yang menggunakan kuasanya untuk meningkatkan kedudukan ataupun mengekalkan kedudukan. Perkara ini amat jelas sekali apabila yang di atas berani melakukannya, yang di bawah memang menunggu. Sebab itulah laksanakanlah tanggungjawab

walaupun ini pahit, kerana amanah mesti ditunaikan. Sebab itulah saya ulangi, sekiranya pemimpin tidak diyakini, para belia telah hancur kerana gejala akhlak dan sebagainya, kemusnahan amat dekat baginya. Sebab itulah hindarlah perkara ini. Tindakan secara menyeluruh, kerjasama secara menyeluruh daripada para pemimpin, pegawai dan rakyat hendaklah memberi kerjasama yang sewajarnya untuk menentukan kecemerlangan negara.

Hari ini dan di masa yang akan datang, kita mendidik anak-anak untuk mencapai kejayaan. Walaupun anak-anak kita mempunyai pendidikan yang tinggi, tetapi sekiranya akhlaknya buruk maka tidak ada erti. Sebab itulah pendidikan dan akhlak hendaklah diseimbangkan, insya-Allah, maka lahirlah insan yang kamil yang boleh diharapkan.

Saya juga ingin menyentuh media massa. Apabila berlaku murid dipukul guru, TV pun keluar, berita besar-besar keluar. Apabila murid dipukul guru, ini bukan satu berita. Beritanya ialah guru dipukul murid, barulah berita. Kerana murid dipukul guru ialah amalan biasa. Kalaupun kita selalu menonjol ataupun kadangkala berita ini dikeluarkan seolah guru yang salah. Apabila murid ini dapat bercakap dalam TV, akhbar pun boleh komen, maka datang semangat egotik, besar diri, besar kepala, maka rasa hormat kepada guru akan hilang. Kita kena faham pendidikan bermula dari rumah. Di rumah, ibu bapalah guru murid. Tetapi apabila anak ini dihantar ke sekolah, ibu bapa anak kita adalah guru. Maka hendaklah kita didik anak-anak ini supaya menjadi anak yang pandai menghormati ibu bapa dan menghormati guru. Kalau sekiranya perkara yang kecil diperbesarkan, maka datangnya ketiadaan rasa hormat kepada orang yang lebih tua, lebih-lebih lagi guru yang mendidik.

Saya ingin menyatakan, dalam satu kursus yang telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan sebuah negeri. Jabatan Pendidikan telah mengambil murid-murid yang bermasalah tentang akhlaknya dibuat kursus selama tiga hari. Terdapat murid-murid perempuan mengajak guru tidur bersama. Bukan lagi hilang rasa hormat, akan tetapi keperibadian dan akhlak murid itu telah hancur. Perkara ini kita perlu fikirkan bersama. Sebab itulah saya harapkan Kementerian Pendidikan hendaklah memberi kesedaran. Adakanlah kursus-kursus kepada ibu bapa dan

penjaga supaya rasa tanggungjawab terhadap anak mereka dan kepada guru-guru juga diberi kaunseling dan bimbingan supaya sifat keguruannya dapat mendidik murid-murid yang diajarnya mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai semangat ingin maju bagi mencapai hasrat yang kita harapkan.

Kita faham keadaan ekonomi kita yang begitu berkembang sekarang. Ibu bapa bekerja, kerana keluarga ini terlalu mengejar material ataupun untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara keluarganya dalam keadaan keperluan atau kos hidup yang tinggi pada masa ini. Maka terpaksa keluarga ini menggaji pembantu rumah. Amatlah berbeza didikan ibu dengan didikan orang lain yang menjaganya. Telah menjadi adat kita orang Melayu semasa mendodoi anaknya hendak tidur bahasanya halus. Tetapi kalau orang lain yang menjaganya, lambat tidur dimaki. Saya minta izin, cara dodoi orang-orang kita dahulu. Tangannya hayun buaian, yang sebelah tangan lagi mengusapkan kepalanya, bahasa dan syahdunya amat baik sekali. Contohnya, *[sambil menyanyi - "Tidurlah anak tidurlah sayang. Pejam matamu hai anak, tidurlah intan."* Tetapi pada ketika ini amah yang menjaganya, apa cakupnya, "cih, celaka, lambat tidur. Itu bahasa yang digunakan untuk menidur atau mendidik anak-anak kecil yang dalam buaian.

Sebab itulah saya harapkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah mengadakan kursus untuk pembantu rumah. Lebih-lebih lagi pembantu rumah yang didatangkan dari negara asing. Lulus kursus barulah boleh bekerja, itu caranya. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama. Begitulah saya harapkan, sama-sama fikir, kerana kita bercakap hari ini, kita berbincang hari ini adalah untuk kejayaan, untuk kemajuan anak cucu kita di masa akan datang. Sebab itulah walaupun ianya pahit, terpaksa saya luahkan demi untuk kebaikan kita bersama.

Ini juga berkait dengan akhlak, betapa pentingnya akhlak. Dalam sehari dua lepas kita lihat berita dalam akhbar, terdapat manusia tidak bertanggungjawab, sanggup menuba makanan yang seharusnya dijaga. Ditubanya ikan. Berapa banyakkah ikan yang telah mati, yang sepatutnya dapat dihasilkan dengan baik dan akan dapat memberi makan kepada berapa ramai manusia yang lain. Kerana rakus dan tamaknya orang-orang ini sanggup menjahanamkan kesemua sekali. Ini juga menunjukkan akhlak dan juga kecintaan di antara kita sesama kita.

Kerana rakus dan tamaknya, ikan sanggup dituba. Kalau dahulu ada adat-istiadat raja-raja menuba ikan. Sekiranya ada raja, menteri dan sebagainya ada majlis menuba ikan, hendaklah kerajaan mengharamkan sama sekali, kerana kepimpinan memberi contoh kepada orang bawahan. Ikan dituba, hutan, bukit-bukau digondolkan kerana kerakusan.

Sebab itulah sekarang rakyat ingin melihat apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan ketamakan dan tidak ada akhlaknya, tidak kira sama ada pemimpin politik, pegawai, rakyat biasa dan sebagainya, kerana ini soal maruah dan kepentingan kita bersama dalam memartabatkan negara. Agensi kerajaan juga perlu bersungguh-sungguh menangani masalah ini. Sebagai contoh, satu peristiwa yang bagi saya amat memalukan. Sewaktu pertandingan Silat Sedunia diadakan di Stadium Negara baru-baru ini. Satu hari itu terpaksa ditangguhkan kerana bekalan elektrik terputus. Apa kata para peserta dan para pegawai dari negara luar. Malaysia menganjurkan pertandingan Silat Sedunia. Akan tetapi, terpaksa ditangguhkan sehari kerana masalah elektrik. Ini satu perkara yang amat memalukan. Ini perlu diambil tindakan dan kajian.

Kita bimbang apabila sukan Komanwel (SUKOM) dilaksanakan di negara kita nanti, pelbagai masalah akan timbul. Kita bimbang peristiwa ini akan menjatuhkan imej negara, maruah negara bukan satu perkara kecil. Dalam sehari dua ini ada berita seorang Timbalan Menteri terperangkap dalam lif lebih kurang tiga jam. Ini berlaku di Kompleks Sukan Bukit Jalil. Belum lagi ada pertandingan yang besar telah banyak perkara berlaku. Sebab itulah untuk mencapai kejayaan, tanggungjawab hendaklah disempurnakan sebaik mungkin.

Apabila kita akan melaksanakan sesuatu yang besar mega seperti SUKOM satu event besar, telekom juga kena jaga dan lain-lain. Saya bimbang, takut berlaku kerana peristiwa itu telah berlaku kepada saya, bil telefon saya naik dengan mendadak selama dua hari, RM2 ribu semua panggilan seberang laut tetapi Alhamdulillah CELCOM telah menyedarinya lebih awal. Kalau ada orang-orang asing yang datang untuk menguruskan perniagaan dan sebagainya maka mereka anggap negara kita tidak mempunyai kemampuan untuk mengendalikan dalam bidang-bidang yang canggih. Ini hendaklah kita jaga demi untuk kejayaan.

Sebab itu saya harapkan kepada pencipta-pencipta klon telefon bimbit yang ada keluar dalam surat khbar baru-baru ini hendaklah ditangkap di bawah Akta ISA kerana ini akan

merosakkan, jangan ditangkap lepas kerana tidak ada kes. Hendaklah kita tangkap di bawah Akta ISA kerana ini akan merosakkan keyakinan dan kepercayaan pengguna dan juga orang-orang asing yang datang untuk melabur di negara kita.

Baru-baru ini dua buah helikopter kita terhempas. Telah acap kali saya cakap, kalau yang buruk tetap buruk, yang lama tetap lama walau pun ianya dibaik pulih. Pada suatu ketika sewaktu hampir persaraan Panglima Tentera Udara kita, dia ada menyebut bahawa bekalan alat ganti ditempah dengan kehendak dan kaedah yang tertentu. Ramailah hentam beliau, katanya kenapa sewaktu dipertanggungjawabkan tidak cakap soal-soal ini. Kita mesti faham ada kedudukan tidak ada kuasa pun ada, ada pangkat tidak ada kuasa pun ada. Walau pun perkara ini disebut sepintas lalu tetapi hendaklah kita fikirkan bersama apabila kapal terbang kita jatuh, helikopter nuri kita jatuh, terdapat seorang pegawai bercakap “Masih boleh digunakan kerana alat ganti kita masih banyak”. Kalau kita bandingkan antara kedua-dua kenyataan ini ada sesuatu yang tidak kena telah berlaku. Jangan cepat marah terimalah pandangan dengan dada yang terbuka dengan rasa kesedaran dan keikhlasan demi untuk kebaikan. Berapakah kos untuk melahirkan seorang pemandu kapal terbang, berapakah kosnya dan berapa kosnya kapal terbang itu? Yang cepat marah ini buruk akibatnya, terimalah dengan dada terbuka. Kita tidak kira sama ada daripada menteri atau timbalan menteri atau pegawai sekalipun kita memberi pandangan dengan cara terbuka demi untuk kebaikan kita. Kita boleh megah dengan menara yang keempat tertinggi di dunia, kita boleh megah dengan bangunan kembar yang tertinggi di dunia tetapi kita tidak boleh bermegah dengan kelengkapan ketenteraan kita.

Ikhlas saya nyatakan. Sebab itulah kerajaan hendaklah menimbang sewajarnya kerana orang hormat kita kepada kekuatan. Apabila ekonomi kita kuat, ketenteraan kita kuat, rakyat kita mempunyai fizikal yang kuat, kuat berfikir, kuat bekerja, kuat belajar dan kuat untuk melahirkan generasi yang berakhlak. InsyaAllah. Kita akan dihormati sampai bila-bila. Sebab itulah saya harapkan mana-mana orang yang bertanggungjawab apabila diberi pandangan dan teguran jangan cepat melenting, terimalah pandangan dengan dada yang terbuka. Dalam kita ghairah mengejar

kemajuan janganlah kita lupa bahawa kemiskinan masih berada di mana-mana. Setiap kali sesi Dewan ini, saya bercakap soal kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagikah, panjang lagi, Yang Berhormat cakap banyak lagi?

Tuan Haji Hassan Ali: Saya hendak bercakap belum tentu panjang, pendek tapi masa panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis. Lepas ini Yang Berhormat boleh sambunglah.

[Tuan Ding Seling mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan Tuan Haji Hassan bin Ali.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengejar arus pembangunan yang begitu pesat tetapi kita jangan lupa terdapat masyarakat yang masih dalam kedaifan, masih dalam kemiskinan. Mereka ini amat perlu diberi perhatian. Pada kajian saya, para belia yang menghadapi masalah gejala sosial pada masa ini, dadah, ponteng sekolah dan sebagainya, sebahagian besarnya datang dari masyarakat yang miskin. Sebab itu saya rasa amat perlu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melantik, menambah pegawai-pegawai konsul untuk memberi bimbingan kepada masyarakat. Ini kerana masyarakat ini kecil jiwanya rendah diri, tidak suka bercampur-gaul dengan orang kerana keadaan kemiskinannya. Sebab itulah mereka ini perlu diberi bimbingan supaya sama-sama mengejar arus pembangunan dan mereka ini mempertingkatkan pendidikannya supaya mereka ini dapat lari dari belunggu kemiskinan. Terdapat penerima bantuan am, turun-temurun menerima bantuan, masa moyang dia dahulu dapat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat RM15, nenek dia dapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat RM25, ibunya sekarang mendapat, kerana anak ramai RM120 atau lebih merupakan masyarakat yang menerima bantuan. Sebab itulah kita kena didik mereka, pupuk mereka, memberi kesedaran supaya mereka ini keluar dari belunggu

kemiskinan yang dihadapi sejak turun-temurun. Maka kementerian haruslah mengadakan pusat-pusat latihan vokasional dan usahawan kepada golongan yang terpinggir ini supaya mereka dapat menikmati arus pembangunan dan kejayaan ekonomi yang dicapai oleh negara pada masa ini.

Satu perkara yang saya rasa amat menyedihkan dan mendukacitakan terdapat anak-anak miskin dari keluarga miskin ini mendapat tawaran ke pusat pengajian tinggi. Saya terima panggilan telefon tadi mengatakan ada yang terima hari ini pun ada, kelmarin pun ada, lapor diri 18 haribulan. Bagi negeri Terengganu dan Kelantan, besok untuk mereka ini memeriksa doktor dan sebagainya untuk membeli pakaian, cadar dan sebagainya.

Masa tawaran terlalu singkat. Ini perlu difikirkan oleh Kementerian Pendidikan. Jangan tawaran untuk masuk pengajian tinggi ini terlalu singkat. Ini membebankan bagi mereka yang miskin. Amat-amat membebankan dan saya harapkan supaya yuran untuk orang miskin ini dikecualikan sehingga pinjaman diperolehi kerana yuran ini antara RM1,300 sehingga RM1,800 bukanlah kecil. Bagi saya sendiripun besar, inikan pula golongan marhaen ini, RM1,300 sehingga RM1,800 amat besar. Itu yuran, tidak termasuk pakaian, tambang-menambang dan sebagainya.

Maka saya sarankan, kalau boleh Menteri Pendidikan umumlah petang ini atau esok supaya yuran ini boleh dibayar apabila pinjaman diperolehi, tulus ikhlas saya katakan. Ini satu beban yang akan membantut kejayaan para pelajar yang datang dari golongan miskin ini. Sebab itulah saya harapkan, saya rayu supaya tindakan segera diambil untuk mengatasi masalah ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian yang amat penting

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, sila duduk sekejap. Mengikut Peraturan 13(1)(k) kita minta Dato' Haji Ibrahim bin Ali untuk menyampaikan satu usul.

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM DATUK SERI HAJI MOHD. ZIN BIN HAJI ABDUL GHANI

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

[Bahawa saya memohon untuk menanggungkan Mesyuarat untuk mengemukakan usul ucapan takziah di bawah Peraturan 13(1)(k) untuk disampaikan kepada keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka yang telah pulang kerahmatullah hari ini 14hb. Mei 1997 jam 4.05 petang di Hospital Tawakal. Usul yang dimaksudkan berbunyi:

“Bahawa Dewan Negara yang bersidang hari ini meluluskan Usul sebulat suara menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka yang telah pulang kerahmatullah pada hari ini 14hb. Mei 1997 jam 4.05 petang di Hospital Tawakal.

Bahawa Ahli-ahli Dewan Negara turut bersedih di atas pemergian seorang tokoh dan pemimpin yang berwibawa, bersih dan amat disegani oleh kawan dan lawan sebagai Ketua Menteri Melaka. Bahawa Ahli-ahli Dewan Negara berdoa semoga Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T. dan rohnya diletakkan di kalangan para anbia yang saleh.

Bahawa Ahli-ahli Dewan Negara juga berdoa dan berharap, keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani, tabah menghadapi kesedihan di atas kehilangan seorang yang amat disayangi, bukan sahaja oleh keluarganya malah rakyat Malaysia seluruhnya.”

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka, telah dimasukkan ke hospital tiga hari yang lalu iaitu pada 11hb. Mei 1997 dan berada di Hospital Tawakal. Kita telah menerima berita bahawa Allahyarham telah berpulang kerahmatullah dan sebagaimana yang kita sedar dan maklum bahawa Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani adalah seorang tokoh yang begitu berwibawa, amat disegani dan telah banyak berjasa kepada perjuangan untuk membangun agama, bangsa dan negara lebih-lebih lagi di negeri Melaka.

Sudah barang tentu kita kehilangan seorang pemimpin yang amat kita kasihi dan kita sayangi. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita sedia maklum, segala-galanya adalah kehendak Allah S.W.T. Pada kita segala perjuangan Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin sebagai seorang contoh pemimpin yang bersih, sebagai seorang contoh pemimpin yang berwibawa dan disegani, seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada semua generasi terutamanya generasi terkini dalam soal untuk melihat bagaimana seorang pemimpin yang kita kehendaki iaitu berwibawa dan sentiasa kelihatan bersih seperti Allahyarham Datuk Seri Haji Mohd. Zin bin Haji Abdul Ghani.

Oleh itu, sudah tentulah kita akan kehilangan seorang pemimpin, seorang sahabat, seorang rakyat yang begitu setia kepada perjuangan lebih-lebih lagi dalam soal untuk memperjuang dan meningkatkan martabat agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita bersedih dan kita mengemukakan Usul ini dan saya berharap Setiausaha Dewan Negara, apabila Usul ini mendapat sokongan sebulat suara menyampaikan bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Baiklah! Usul diterima dan kita ucapkan takziah kepada keluarga beliau. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

5.03 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan berasa dukacita dan sedihnya menyokong Usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Memang tidak ada perkataan yang dapat saya suarakan apabila mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd. Zin telah pun meninggalkan kita terlebih dahulu. Yang Amat Berhormat ini saya telah pun mengenalinya begitu lama dalam politik hampir 22 tahun dan saya dapati beliau adalah seorang yang lemah lembut, seorang yang peramah, seorang yang suka bercakap dengan cara membiarkan sahabatnya bercakap lebih daripada beliau sendiri.

Saya banyak kali berjumpa dia khususnya dalam masa kita hendak mengadakan Mesyuarat Agung UMNO di Kuala Lumpur, saya berjumpa di Pahang, berjumpa di hotel-hotel Kuala Lumpur untuk bersama-sama membantu pemimpin-pemimpin daripada Melaka untuk mendapat tempat di Majlis Tertinggi UMNO. Dan cara dia meminta tolong, cara dia bercakap itu cukup halus dan manis dan inilah saya sampai sekarang ini teringat-ingat beliau ini, walaupun sekarang ini dia tidak ada bersama kita, masa dia di hospital pun kami semua berasa sedih dan memohon kepada Allah S.W.T. supaya dapat sembuh dengan segera. Tetapi apa boleh buat, semuanya ini adalah kehendak Allah S.W.T.

Kita semua akan menghadapi Tuhan yang satu itu. Ia memang sudah banyak menabur jasa dan berbakti kepada negara dan khususnya Melaka, dalam masa tempoh tiga tahun beliau menjadi Ketua Menteri Melaka, telah banyak pembangunan yang telah dibangunkan mengikut rancangan-rancangan yang telah pun dibuat oleh pemimpin-pemimpin dahulu daripada beliau dan beliau telah pun meneruskan pembangunannya. Negeri Melaka sekarang ini membangun begitu pesat menjadi satu contoh negeri yang maju di Malaysia.

Tetapi, apa boleh buat, beliau setakat ini sahaja dapat menyumbang, kalau dia panjang umur, saya pasti dia akan dapat menyumbang lebih banyak lagi kepada apa yang telah pun disumbangkannya setakat ini. Kami sepertimana Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim katakan tadi, merasa sungguh sedih di atas pemergian beliau dan kami bersama-sama mengucapkan takziah dan bersimpati kepada keluarga Yang Amat Berhormat Datuk Ketua Menteri Melaka dan kami mendoakan mudah-mudahan roh beliau akan dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bersama hendak mendedekahkan Al-Fatihah seterusnya orang-orang Islam lebih kurang tiga minit untuk mendedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham. Al-Fatihah!

[Majlis bertafakur dan membaca Al-Fatihah]

Saya menyokong Usul ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Ding Seling: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) Usul ini hendaklah diterima dan tidak boleh dibahaskan seterusnya. Kita dengan sedihnya mengucapkan takziah kepada keluarga beliau yang telah meninggalkan kita, sekian. Sekarang saya dengan segala hormatnya menjemput Tuan Haji Hassan bin Ali melanjutkan ucapan beliau.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucap terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan melalui MARA yang telah mengadakan pinjaman pendahuluan RM1,000 kepada para pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran ke IPT dan adalah diharapkan pinjaman ini hendaklah diproses seboleh-bolehnya dalam masa 24 jam kerana masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang berkaitan.

Kementerian ini merupakan kementerian yang amat penting di bawahnya mempunyai pelbagai agensi dan juga telah mewujudkan Maktab Rendah Sains MARA. Saya telah diminta supaya jangan membangkitkan soal ini akan tetapi hati-hati orang Terengganu meminta saya sampai kerana wujud ketidakadilan yang berlaku dalam pengambilan ke Tingkatan 4 di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Batu Rakit, Kuala Terengganu.

Ini suatu perkara yang tidak seharusnya berlaku, tidak sepatutnya berlaku dan saya bukanlah mempunyai sentimen kenegerian, kedaerahan dan sebagainya akan tetapi saya bercakap kepada keadilan. Pengambilan telah pun dibuat dan para pelajar telah pun belajar.

Sebelum ada pertambahan sedikit, pecahan seperti berikut: Para pelajar dari Johor - 1 orang; dari Selangor - 1 orang; dari Pahang - 38 orang; dari Terengganu - 18 orang; lain-lain negeri - 3 orang; dari Kelantan - 291 orang.

Walau apa pun alasan tidak dapat diterima. Alangkah kecil hati orang Terengganu, alangkah kecewanya hati orang Terengganu kalau perkara sebegini telah berlaku kerana secara kebetulan Menteri orang Kelantan, Ketua Pengarah orang Kelantan, pegawai-pegawai pun orang

Kelantan, bukan sentimen kenegerian saya bangkitkan tetapi soal keadilan yang saya perkatakan. Kalau saya tidak bercakap soal ini, saya akan dimarahi oleh rakyat Terengganu, sebab itulah walau pahit sekali pun terpaksa saya perkatakan.

Ingin saya ulangi, walau pelbagai alasan tidak boleh diterima, saya telah baca surat kononnya 'SES' dan sebagainya, tetapi ada yang berpendapatan kalau dicampurkan jadi RM5,000 pun ada, tetapi alasan 'SES' iaitu pendapatan rendah diberi keutamaan dan saya harap Kementerian Pendidikan jangan berlaku perkara seperti ini di dalam membuat pemilihan untuk menempatkan para pelajar di sekolah berasrama penuh.

Doa orang miskin, doa orang susah akan menyebabkan kita tidak mendapat kedudukan yang sewajarnya, sebab itu gunakanlah kedudukan dengan sebaik mungkin, begitulah saya, kalau boleh tidak mahu membangkitkan, nanti orang kata 'telah berunding', tetapi masih dibangkitkan. Tetapi, perundingan yang tidak berhasil perlu dibangkitkan untuk menjaga hati rakyat negeri Terengganu yang begitu kecewa sekali. Dan saya ulangi, negeri Johor - 1 orang; dari Selangor - 1 orang; dari Pahang - 38 orang; dari Terengganu - 18 orang; lain-lain negeri - 3 orang; daripada Kelantan - 291 orang. Mungkin orang yang ada dalam Dewan ini berasa terkejut kerana Maktab Rendah Sains MARA Batu Rakit berada di negeri Terengganu.

Berlaku masalah di maktab yang sama, pembekal makanan tidak membekalkan makanan sepertimana yang telah dijanjikan. Saya ada bukti surat kompelin daripada orang yang berkenaan. Saya akan sebut satu-persatu apakah masalahnya dan secara kebetualn pembekal ini juga daripada Kelantan, ini yang pening kepala saya ini, hendak bercakap pahit, hendak ditelan terlekat. Ini masalahnya:-

- (i) pembekal makanan lewat menghantar bahan mentah;
- (ii) bahan makanan tidak mencukupi;
- (iii) ikan yang dihantar busuk dan buruk;
- (iv) ikan yang dihantar adalah jenis yang tidak mengikut menu yang dikehendaki;

- (v) bahan masakan untuk makan malam tidak sampai, kerana dia terpaksa memasak bahan dari sisa yang berlebihan pada tengah hari;
- (vi) kueh untuk minum petang dan malam selalu tidak sampai hingga pelajar hanya minum air sahaja;
- (vii) beras dan gula tidak mencukupi sehingga terpaksa dicatu;
- (viii) ayam sepatutnya dibelah enam terpaksa dicincang kecil-kecil untuk mencukupkan pembahagian kepada pelajar;
- (ix) lauk yang dimasak dua jenis sahaja kerana kekurangan bekalan.

Ditandatangani oleh seluruh para pelajar. Ini satu perkara yang amat memalu dan amat mendukacitakan.

Dalam arus pembangunan negara yang begitu pesat, kecanggihan teknologi yang begitu membanggakan, tetapi masalah yang kecil ini masih tetap berlaku di negara yang maju dan makmur. Oleh itu, saya melahirkan rasa dukacita kerana saya selaku Pengerusi PIBG di sekolah yang berkenaan telah membangkitkan acap kali, tetapi kesefahaman dalam masalah ini masih tidak wujud.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang bukanlah dengan rasa yang kurang senang atas sifat jawatan, tetapi apa yang saya luahkan ini merupakan kehendak hati dan sanubari rakyat Terengganu dan para pelajar yang telah dimangsakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, saya rasa cukuplah ucapan saya dan saya harapkan apa yang diluahkan itu jangan dipandang remeh. Apa yang dikatakan jangan dianggap kecil. Kita menunaikan tugas dan tanggungjawab dan perlu kita sama-sama menyelesaikan masalah ini - insya-Allah, kalau kita dapat menyelesaikan masalah orang lain, Allah S.W.T akan menyelesaikan masalah yang kita hadapi, dengan kata-kata itu saya amat menyokong Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Ding Seling: Saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii dahulu.

5.17 ptg.

Dato' Ting Check Sii: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi kesempatan ini untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Memandangkan masa agak terhad izinkan saya terus menyentuh isu-isu pokok yang pada hemat saya amat penting untuk dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia pada tahun 1963 banyak pembangunan dan kemajuan telah berlaku di Bumi Kenyalang ini. Pembangunan dan perubahan ini bertambah dengan pesat dan ketara khasnya di bawah Kerajaan Barisan Nasional, dengan kerajaan yang stabil dan kukuh dan kerjasama serta bersefahaman di antara berbagai kaum saya yakin Sarawak akan terus maju dan mencapai satu tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi menjelang tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sarawak dipisahkan dari Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan, maka usaha kita ingin menanam semangat perpaduan rakyat di antara kedua-dua kawasan telah menjadi satu cabaran yang amat besar.

Walaupun Sarawak telah merdeka dalam Malaysia selama 34 tahun, malangnya masih ada ramai penduduk di Sarawak dan Sabah yang belum pernah melawat Semenanjung Malaysia. Demikian juga bagi penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia masih ramai yang tidak mengenali Sarawak dan Sabah. Saya berasa sedih apabila RTM juga keliru dengan letak sesuatu tempat sama ada di Sarawak atau di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah di atas adalah berpunca dari kenyataan satu sistem pengangkutan yang efisien dan ekonomikal untuk membolehkan rakyat kita saling berkunjung di antara kedua-dua kawasan yang dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Pada masa sekarang pengangkutan tunggal adalah penerbangan MAS yang penuh ditempah pada musim perayaan dan cuti sekolah. Harga tiket kapal terbang yang tinggi juga merupakan satu penghalang kepada proses perpaduan rakyat. Sebagai contoh harga tiket dari Pulau Pinang ke Kuching dan Kuching ke Pulau Pinang ialah dalam lingkungan RM700 seorang.

Adalah menjadi lebih murah bagi penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia untuk mengunjungi negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand. Demi mempercepatkan lagi proses perpaduan rakyat khususnya di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia, satu sistem pengangkutan yang lebih efisien dan ekonomikal haruslah diperkenalkan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa hotel sekarang adalah lebih tinggi di Semenanjung Malaysia, akan tetapi dalam sektor perkhidmatan awam, kita masih menggunakan kadar lama di mana kadarnya adalah terbalik, iaitu lebih tinggi di Sarawak dan lebih rendah di Semenanjung Malaysia. Apabila seseorang pegawai kerajaan biasa menjalankan tugas rasmi di Semenanjung Malaysia, ia akan menghadapi masalah kerana kelayakannya tidak mencukupi untuk membayar sewa hotel dan kadangkala terpaksa membayar bakinya dengan wang tunai sendiri. Oleh yang demikian, elaun perjalanan bagi kakitangan kerajaan khasnya di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia haruslah dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan kunci kepada kemajuan sesebuah negara. Saya merasa gembira dan bangga apabila keputusan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang diperolehi oleh pelajar-pelajar di Sarawak adalah setanding dengan negeri-negeri lain. Dalam penggunaan dan penguasaan Bahasa Malaysia pula, pelajar-pelajar Sarawak telah mencapai satu tahap yang amat membanggakan. Apabila memasuki universiti-universiti tempatan, mereka tidak lagi memerlukan kursus intensif Bahasa Malaysia atau memohon untuk syarat-syarat kelonggaran seperti pelajar-pelajar dalam tahun tujuh puluhan atau lapan puluhan.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik peningkatan mutu pendidikan di Sarawak, janganlah kita lupakan sumbangan daripada golongan guru kita terutamanya mereka yang berkhidmat tanpa rungutan di kawasan pedalaman di mana ada di antara mereka tidak dapat menikmati banyak kemudahan asas seperti rakan-rakan mereka di bandar. Ketiadaan bekalan air, elektrik, telefon, perkhidmatan pos, surat khabar dan program hiburan RTM sudah menjadi kebiasaan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru di Sarawak juga menghadapi masalah kekurangan rumah guru. Di bandar ramai guru terpaksa menyewa bilik-bilik dengan kadar yang tinggi, manakala bagi mereka yang berkhidmat di kawasan pedalaman haruslah berpuas hati dengan mendiami pondok-pondok yang kurang sesuai untuk didiami oleh manusia.

Tema perayaan Hari Guru tahun 1996 ialah 'Guru Malaysia Teras Pendidikan Bertaraf Dunia'. Saya rasa tidak adil jika kita mengharapkan guru-guru kita menghasilkan mutu pendidikan bertaraf dunia, sedangkan mereka tidak dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas dalam keadaan yang memuaskan terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah kekurangan guru terlatih bagi bahasa Cina di Sarawak. Sejauh mana yang saya ketahui di peringkat sekolah rendah cuma sekolah agama dan sekolah Cina yang menghadapi kekurangan guru terlatih, akan tetapi saya juga difahamkan bahawa ada guru-guru sandaran tidak terlatih yang mengajar di sekolah rendah aliran Cina yang berkelayakan dan berminat, tetapi tidak diberi peluang untuk menjalani kursus perguruan pada masa beberapa tahun ke belakangan ini? Ini mungkin adalah salah satu sebab yang menyebabkan kekurangan guru bahasa Cina.

Di sekolah rendah beraliran Bahasa Malaysia, kita menghadapi masalah kelebihan guru terlatih dan Sarawak telah mencatat rekod dalam sejarahnya kerana ia telah menghantar guru-guru terlatih lepasan maktab ke Semenanjung Malaysia kali pertamanya pada awal tahun 1996. Jadi, saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mengkaji semula pengambilan guru pelatih ke maktab-maktab perguruan di Sarawak pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid dalam kelas bagi sekolah aliran Cina di bandar biasanya adalah terlalu besar untuk proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan berkesan. Saya merayu supaya di bandar-bandar besar seperti Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu haruslah dibina sekolah beraliran bahasa Cina baru untuk memenuhi keperluannya. Jika ini tidak dapat dilaksanakan, maka sekolah-sekolah Cina di luar bandar yang menghadapi kekurangan murid dibenarkan berpindah ke bandar untuk mengatasi masalah kesesakan kelas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan infrastruktur, negeri Sarawak masih memerlukan perhatian khas daripada Kerajaan Pusat. Ada banyak bandar dan pekan kecil tidak dihubungi dengan jalan raya. Bagi jalan raya yang sedia ada, tarafnya haruslah dinaikkan, umpamanya di antara bandar Sibul dan Lapangan Terbang Sibul dan di antara Betong dalam

bahagian Sri Aman dan bandar Sarikei, keadaan jalan raya memerlukan perhatian segera. Di beberapa selekoh, jalan raya di antara Kuching dan Miri juga haruslah dibaiki dan diluaskan dengan serta-merta kerana terlalu banyak kemalangan serius telah berlaku, khasnya di Bukit Begunan dan Nangaskran dalam bahagian Sri Aman dan Bukit Semanggul dalam bahagian Sarikei, dengan peringatan bilangan kereta, jalan raya di antara Kuching dan Serian adalah dirasai terlalu sempit dan kemalangan selalu berlaku. Adalah diharapkan jalan raya ini dapat diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan perjalanan di antara Sumadang dan Limbang dengan jalan raya, penduduk di Sarawak masih menunggu dengan sabarnya pembinaan jambatan-jambatan menyeberangi Sungai Lundu dalam bahagian Kuching, Sungai Nyerong dalam bahagian Sarikei, Sungai Rajang, Sungai Ikan dan Sungai Asang dalam bahagian Sibuan dan Sungai Baram dalam bahagian Miri. Saya yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menghampakan harapan rakyat, tidak kira di mana kita tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan masalah perumahan kos rendah khususnya bagi para penduduk yang berpendapatan rendah. Saya berharap kerajaan akan membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah di seluruh negeri Sarawak kerana keperluannya tidak terhad kepada penduduk-penduduk di bandar sahaja. Saya juga merayu kepada pihak berkuasa supaya rumah kos rendah ini diagihkan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai penduduk di Sarawak khasnya di luar bandar masih belum dapat mengikuti program RTM kerana penerimaan siarannya kurang memuaskan. Ada di antara mereka terpaksa memasang antena parabola supaya dapat mengikuti perkembangan semasa. Malangnya, pemasangan antena parabola ini adalah dilarang dan mereka adalah diarah membukanya dengan serta-merta. Memandangkan yuran bulanan Astro sebanyak RM80 adalah di luar kemampuan kebanyakan penduduk, penerimaan siaran RTM kurang memuaskan dan penyebaran maklumat terkini adalah sangat penting dalam era teknologi maklumat, maka saya merayu supaya kerajaan mempertimbangkan semula pemasangan antena parabola di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak seperti negeri-negeri lain masih kekurangan doktor pakar, doktor dan jururawat. Oleh kerana ramai doktor dari luar Sarawak tidak berhasrat tetap berkhidmat di Sarawak, khasnya di luar bandar dan memandangkan doktor tempatan lebih memahami keadaan dan adat resam penduduk tempatan, maka saya merayu supaya institusi-institusi pengajian tinggi memperuntukkan lebih banyak lagi tempat untuk pelajar-pelajar dari Sarawak bagi membantu menyelesaikan masalah doktor pakar, doktor dan jururawat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar Kerajaan Pusat akan mengambil peluang keluasan dana di negeri Sarawak untuk membina pelbagai industri di negeri ini bagi membantu dan mempercepatkan lagi proses perindustrian. Untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing datang dan melabur di Sarawak, insentif yang lebih menarik haruslah disediakan. Infrastruktur yang lebih baik juga perlu dibina. Dengan pembinaan projek Hidro Bakun, saya yakin lebih ramai pelabur asing akan melabur di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong, sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

5.35 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk pertama kali bercakap di dalam membahaskan usul ucapan terima kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita merasa amat bangga dan kagum kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah mencakupi seluruh perjalanan dan pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu yang heboh dan hangat diperkatakan pada bulan lalu mengenai pusat pemeriksaan berkomputer (PUSPAKOM) yang tidak menafikan wujudnya masalah rasuah di kalangan orang tengah bagi memberikan kelulusan kepada kenderaan yang tidak sepatutnya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menswastakan pusat pemeriksaan kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan lebih dua tahun lalu diputuskan kerana kerajaan yakin tentang keupayaan dan kecekapan syarikat itu menjalankan pemeriksaan berkomputer terhadap kenderaan awam dan perdagangan di negara ini. Puspakom dikatakan berupaya mengendalikan pemeriksaan berkala ke atas kira-kira 500,000 kenderaan setahun. Sistem berkomputer Puspakom juga mampu memendekkan tempoh pemeriksaan berbanding apa yang dilaksanakan di JPJ sebelum ini. Dan sebelum penswastakan ada juga pihak mendakwa bahawa inspektor kenderaan di JPJ terbabit dengan rasuah ketika menjalankan pemeriksaan seperti itu. Kini, kita dengar pula dakwaan yang sama juga berlaku di Puspakom. Kita telah diberitahu bahawa Persatuan Pengusaha Bas Pan-Malaysia (PMBOA) mendakwa ramai pemilik bas membuat bayaran melebihi jumlah yang ditetapkan untuk setiap pemeriksaan. Bayaran itu juga dikatakan membolehkan kenderaan yang diperiksa diluluskan tanpa banyak karenah dibuat dalam tempoh singkat walaupun ia mempunyai beberapa kerosakan yang perlu diperbaiki terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana organisasi pun, adalah terlalu sukar bagi kita untuk memastikan semua kakitangan menjalankan tugas dengan jujur dan tidak melakukan sesuatu untuk kepentingan peribadi. Apatah lagi, jika agensi ataupun pihak itu mempunyai fungsi penguatkuasaan dan membuat sesuatu penyelewengan sukar dipekakkan telinga dan ditutup begitu sahaja kerana segala urusan di pusat seperti Puspakom itu membabitkan orang ramai. Satu hakikat yang tidak boleh dinafikan dan harus diakui bahawa sejak Puspakom beroperasi, hanya beberapa kerat kakitangannya ditahan termasuk di Alor Setar kira-kira setahun lalu, yang dipercayai terbabit memungut duit kopi bagi memastikan kenderaan perdagangan tidak layak diguna, diluluskan dalam pemeriksaan dan kita pun tidak menolak kemungkinan

kegiatan itu juga boleh berlaku di cawangan-cawangan lain di Puspakom. Ramai yang akan berpendapat penahanan seorang dua kakitangan Puspakom adalah kes terpencil yang tidak boleh mencerminkan keseluruhan organisasi itu.

Kita sedar gejala rasuah adalah sangat serius dan mesti ditangani secara tegas. Wabak itu juga jika dibiarkan merebak akan sukar dipulihkan. Kita yakin dakwaan dan perlakuan buruk seumpama ini dalam Puspakom tidak akan selesai kerana selagi ada pemberi rasuah, selagi itulah ada yang mahu menerimanya. Dalam hal ini, bukanlah masa untuk kita menyebelahi mana-mana pihak ataupun membela kakitangan Puspakom, Persatuan Pengusaha Bas Pan-Malaysia juga perlu melihat diri mereka sendiri. Saya percaya apa pun bentuk pemerasan dan habuan yang akan diminta oleh kakitangan Puspakom kepada ahli mereka untuk memudahkan urusan kelulusan, rasuah begini tidak akan berlaku jika ia tidak dituruti. Pemilik bas sendiri seharusnya tidak membenarkan kakitangan mereka memberi rasuah kepada pekerja Puspakom. Dalam pada masa yang sama, kita tidak menafikan kakitangan Puspakom boleh mewujudkan pelbagai karenah dan situasi sukar kepada pemilik kenderaan ketika pemeriksaan dibuat jika wang sogokan tidak diserahkan. Tetapi tidak ramai pemilik itu yang berani tampil mempertikaikan setiap perlakuan seperti itu termasuk membuat laporan terus kepada pengurusan atasan Puspakom. Biasanya mereka yang terperangkap dalam situasi ini hanya berdiam diri kerana tidak mahu menjejaskan hubungan dan urusan dengan Puspakom di masa depan. Justeru, keadaan seperti ini akan berterusan dan wabak rasuah akan terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah mengakui pernah menerima maklumat mengenai kegiatan penyelewengan di beberapa cawangan Puspakom tetapi penyiasatan tidak dapat dilakukan kerana maklumat yang diberi tidak lengkap. Lantaran itu, saya merasakan orang ramai terutamanya pemilik kenderaan yang berasa tertekan dengan kegiatan itu seharusnya berani tampil membantu menangani masalah ini.

Dalam kes ini baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mahu siasatan berhubung amalan rasuah itu dilakukan hingga ke akar umbi. Pihak Kementerian

Pengangkutan harus mengadakan lawatan dan pemeriksaan yang lebih teliti terhadap aspek mekanikal kenderaan, barulah ianya akan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Lantaran itu membanteras rasuah dalam Puspakom bukanlah sekadar menangani gejala keji tetapi lebih daripada itu adalah untuk menyelamatkan nyawa pengguna jalan raya kita yang tidak ternilai harganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pertahanan. Saya ingin menyentuh sedikit tentang beberapa perkara yang berhubung dengan Kementerian Pertahanan. Pada 18hb. Mac lalu, dua helikopter Nuri milik Tentera Udara DiRaja Malaysia terhempas serentak di Gunung Bukit Batanga Selatan Sabah. Tragedi yang kesekian kalinya menguji reputasi pasukan TUDM khususnya Kementerian Pertahanan. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menterinya berada di Washington ketika itu untuk menyaksikan satu lagi upacara bersejarah dalam Angkatan Tentera apabila menerima pesawat pejuang F/A-18D Hornet daripada Syarikat McDonald Douglas. Dua sejarah tercipta dalam masa yang sama di Kementerian Pertahanan di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Syed Hamid - di dalam dan di luar negeri - satunya menjadi kebanggaan negara apabila TUDM kini dilengkapi pesawat canggih berteknologi tinggi dan boleh digunakan dalam pelbagai misi. Satu lagi agak tragis apabila sebelas anggota dan pegawai TUDM terkorban berikutan terhempasnya pesawat Nuri. Tentunya Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa berbilion ringgit telah dilaburkan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan sistem pertahanan negara melalui pembelian pesawat canggih tersebut. Tetapi, dalam masa yang sama juga kita kehilangan sebelas anggota termasuk pegawai dan juruterbang yang berpengalaman dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, sebanyak 14 tragedi melibatkan pesawat Nuri yang digunakan oleh TUDM berlaku sejak tahun 1968 dan telah mengorbankan lebih 70 orang anggota TUDM. Contohnya, pada 25hb. April, 1969 di Kuching Sarawak mengorbankan 4 orang dan pada 18hb. Disember, 1989 telah mengorbankan seramai 18 orang apabila pesawat

Nuri terhempas di Sungai Lundu, Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, angkara Nuri sudah terlalu banyak dan mereka yang berkenaan khususnya Kementerian Pertahanan perlulah berbuat sesuatu.

Pada Oktober tahun lalu, perkhidmatan Nuri pernah digantung berikutan kejadian pesawat itu yang terhempas di perairan Muka Head, Telok Bahang, Pulau Pinang. Berdasarkan kepada kejadian-kejadian tersebut, apa lagi yang Kementerian Pertahanan mahukan sebagai bukti untuk menilai kesesuaian penggunaan Nuri. Dari segi kajian, hanya tiga faktor yang menyebabkan sebuah pesawat terhempas iaitu:

- (i) kesilapan manusia;
- (ii) masalah teknikal;
- (iii) masalah cuaca.

Selepas penggantungannya ditarik balik, pesawat Nuri masih juga terhempas. Mereka yang berpengalaman dan terlatih terkorban kerana melakukan tugas-tugas awam dan bukannya kerana misi ketenteraan. Itulah agaknya nasib anggota tentera kita dengan Nuri mereka. Nampaknya kita seakan terpaksa menerima hakikat bahawa ramai lagi anggota TUDM kita terkorban dalam nahas pesawat Nuri yang mereka gunakan ketika menjalankan tugas-tugas awam dan bukannya ketika menjalankan misi ketenteraan seperti ditembak jatuh dalam peperangan. Jika Nuri terhempas ketika menjalankan tugas-tugas awam, bagaimana agaknya nasib Nuri jika berada dalam suasana peperangan, begitu pun jika mereka gugur dalam peperangan sekurang-kurangnya mereka gugur di medan perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, jika diperhitungkan sebenarnya kerajaan mengalami banyak kerugian. Kerugian kita bukan sahaja dari segi perbelanjaan yang digunakan untuk melatih anggota tentera terutamanya juruterbang yang sudah pasti memerlukan perbelanjaan yang banyak, tetapi sebenarnya kita rugi apabila membeli pesawat Nuri yang berjuta-juta ringgit harganya tetapi kemudiannya terus terhempas. Pada bulan November tahun lalu, dalam persidangan pertahanan helikopter di ibu negara, Yang Berhormat Menteri Pertahanan pernah mengakui pesawat Nuri sudah tidak begitu sesuai lagi untuk digunakan kerana sudah berusia

25 tahun dan ada pula cadangan untuk membeli helikopter baru dan untuk merealisasikan sekurang-kurangnya RM1 bilion diperlukan bagi membeli helikopter baru.

Tuan Yang di-Pertua, soal pembelian pesawat baru, laporan kajian daripada lembaga penyiasat yang ditubuhkan bagi menjalankan siasatan berhubung tragedi berkenaan bukanlah perkara pokok yang kita mahu tahu, sebaliknya Kementerian Pertahanan harus memikirkan soal imej negara, baik di dalam mahupun di luar negara. Kementerian Pertahanan harus melihat semula untuk ke sekian kali mengenai kesesuaian penggunaan pesawat Nuri untuk anggota tentera kita. Kita tidak lagi boleh berkompromi dalam soal keselamatan anggota tentera. Soal imej negara selain nasib keluarga, masa depan orang yang ditinggalkan harus juga diambil kira.

Kita telah difahamkan bahawa pesawat Nuri TUDM dikatakan melalui proses penyelenggaraan yang rapi bagi setiap tempoh penerbangannya. Pesawat Nuri kononnya dikatakan apabila melalui setiap 5 pusingan, dikatakan akan diberi rawatan dengan menggantikan pesawat itu dengan komponen baru, misalnya enjin akan ditukar setiap 2,000 jam penerbangan. Pesawat yang ditukar enjin dikatakan boleh dianggap sebagai pesawat baru, namun pesawat itu masih terhempas.

Mengenai soal latihan juruterbang, kita telah dilaporkan bahawa juruterbang TUDM telah mendapat latihan secukupnya malahan terpaksa melalui pelbagai ujian sebelum dibenar menerbangkan pesawat ketenteraan negara selain mengikuti latihan di luar negara. Inilah yang harus difikirkan. Saya amat berharap Kementerian Pertahanan tidak menunggu sehingga pesawat Nuri yang ke-15 terhempas, barulah kementerian mahu melakukan sesuatu.

Jelas kepada kita sekarang sudah sampai masanya satu keputusan yang tegas perlu dibuat berhubung penggunaan pesawat Nuri. Kita tidak mampu lagi kehilangan anggota tentera dan juruterbang yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pada mesyuarat Jemaah Menteri pada 15hb. Mac, 1996 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil masa kira-kira setengah jam untuk menjelaskan

kepentingan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan penanaman pokok. Beliau juga meminta semua menteri menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok selaras dengan aspirasi kempen menanam pokok seluruh negara yang dilancarkan dua hari sebelum itu. Objektif kempen tersebut ialah penanaman sebanyak 3 juta batang pokok menjelang tahun 2000 dan 20 juta menjelang tahun 2020. Keprihatinan pucuk pimpinan negara terhadap penanaman pokok sudah memang dimaklumi umum.

Dalam mesyuarat Kabinet yang pertama yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada tahun 1981, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah menggariskan dua program penting yang akan dilaksanakan secepat mungkin iaitu memastikan kebersihan tandas awam dan menanam pokok. Keprihatinan pucuk pimpinan terhadap kempen menanam pokok itu wajar difahami dalam konteks semasa dengan kepelbagaian masalah pencemaran alam sekitar yang semakin menjadi-jadi dewasa ini.

Sehubungan dengan itu, pada 26hb. Mac yang lalu, sekali lagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah menimbulkan isu pokok. Kali ini tentang penebangan hutan dan proses meratakan bukit secara berleluasa di empat kawasan di negeri Selangor di mana kedua-dua aktiviti ini biarpun atas nama pembangunan akan mendatangkan mudharat kepada negara dan rakyat. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan dalam hal ini wajar difahami dengan tepat dan patut mendapat sokongan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan dan difahami oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa kempen menanam pokok yang dicanangkan oleh pucuk pimpinan negara bukan sekadar bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara taman yang indah yang kemudiannya akan dikunjungi ramai pelancong asing, tetapi sebenarnya kempen tersebut ada kaitan yang rapat dengan usaha untuk memastikan tahap pencemaran alam sekitar ketika ini tidak menjadi lebih parah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi saintifik, penanaman pokok sangat besar kesannya kepada usaha pemuliharaan eco-system, khususnya di kawasan bandar besar yang sejak kebelakangan ini tidak begitu seimbang. Ini kerana projek-projek pembangunan yang dilaksanakan hampir di serata pelosok negara ketika ini sering kali mengabaikan aspek alam sekitar, terutamanya dari segi pengurusan alam sekitar secara individu. Hal ini dipersulitkan lagi dengan adanya punca-punca pencemaran yang semakin runcing dengan beban pencemaran yang tinggi, seperti pelepasan asap kilang dan kenderaan, pembakaran sampah dan ladang secara terbuka, pembuangan sisa industri ke sungai dan sebagainya.

Dalam konteks Malaysia yang beriklim tropika, seharusnya difahami bahawa peranan pokok dalam menstabilkan alam sekitar, sebenarnya pokok berfungsi secara bio-geografi sekurang-kurangnya menerusi empat mekanisme, iaitu:

- membantu mengurangkan hakisan tanah;
- menghasilkan oksigen dan menyerap karbon dioksida;
- membantu mengurangkan suhu persekitaran; dan
- membantu menyediakan kawasan tadahan hujan bagi membolehkan wujudnya sesebuah sistem sungai.

Oleh yang demikian, penebangan pokok apatah lagi kemusnahan hutan mengakibatkan pelbagai permasalahan alam sekitar seperti banjir kilat, kepupusan sumber air, kekotoran udara, keabangan cuaca dan pencemaran sungai, malah masyarakat haiwan juga akan turut teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, baru-baru ini kejadian pembukaan hutan dan meratakan bukit timbul semula serta mendapat perhatian ramai. Kali ini kawasan yang menjadi tumpuan sepertimana yang saya sebutkan di awal tadi ialah di negeri Selangor. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui kegiatan itu selepas melihat dari udara ketika terbang pulang dari Taman Negara baru-baru ini dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut berani mendedahkan

kawasan-kawasan yang terlibat dalam kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran itu setelah perkara itu dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Telatah kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan ini amat mendukacitakan kerana merekalah yang telah diberi amanah untuk memastikan segala peraturan dan undang-undang pembukaan hutan atau bukit dipatuhi, tetapi sebaliknya perkara itu hanya berbangkit setelah ditegur oleh Perdana Menteri. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mempunyai banyak urusan lain yang lebih penting untuk ditangani dan seharusnya tugas-tugas untuk memastikan hutan atau bukit kita tidak perlu ditarah, tidak perlu sampai kepada keprihatinan Perdana Menteri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sepatutnya membawa perkara itu kepada mesyuarat Kabinet jika mengetahui tentang kegiatan tersebut, tetapi ini tidak berlaku.

Saya percaya jika setiap agensi atau kerajaan negeri memainkan peranan masing-masing, kejadian seumpama ini tidak akan lagi timbul dan Perdana Menteri dapat menggunakan masa yang ada untuk melihat kepada isu-isu yang lebih global dan yang memerlukan perhatian segera.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri juga sudah tentu dapat mengesan tentang kegiatan tersebut jika setiap majlis tempatan menjalankan peranan dengan berkesan. Sebenarnya majlis-majlis tempatan inilah yang mengawal dan meluluskan setiap permohonan untuk projek-projek baru, termasuk pembukaan hutan. Projek-projek yang diluluskan pula sepatutnya diselia dan diperhatikan dari masa ke semasa agar ia dilaksanakan mengikut peraturan. Kejadian seumpama ini lebih baik dan berkesan jika dapat dihentikan sebelum bermulanya kerja-kerja pembukaan hutan itu. Malangnya, pendedahan dibuat hanya setelah bukit-bukit yang ada telah diratakan dan kawasan hutan itu dibersihkan atas nama pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap bahawa selepas kejadian ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengemas kini pentadbiran, undang-undang dan semua peraturan supaya dapat dipatuhi tanpa perlu ditegur oleh Perdana Menteri sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berhenti dan saya juga menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Puan Kamalia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.55 ptg.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan Negara sekalian, terlebih dahulu saya ingin ucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya memberi sokongan kepada cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia pada hari permulaan Dewan penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah merekodkan pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kini matlamat negara kita ialah untuk mencapai tahap sebuah negara maju. Kita boleh mencontohi negara-negara lain seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan yang dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang membanggakan kerana menggalakkan rakyat mereka untuk berjimat cermat dan menyimpan wang lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana negeri yang mahukan pertumbuhan ekonomi mestilah mempunyai modal yang mencukupi bagi membiayainya. Faktor penting ialah pinjaman daripada dalam atau luar negeri, nescaya dari dalam negeri adalah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank dan institusi-institusi kewangan telah melaksanakan pelbagai skim untuk menarik pelanggan-pelanggan untuk menyimpan wang dengannya, khusus di kalangan murid-murid sekolah di mana skim-skim digalakkan murid-murid simpan wang dalam Bank Simpanan Nasional. Dukacitanya faedah yang diberi kepada wang simpanan ini tidak munasabah dengan wang yang disimpan itu. Pada masa sekarang kalau kita lihat faedah

yang diberi kepada wang simpanan ini cuma dapat 2.5% sahaja. Kalau kita lihat bank-bank komersial pun dia ada skim di mana dikatakan boleh dapat 6%. Dan kalau kita lihat cara untuk mendapat 6% itu adalah skim berperingkat-peringkat (multitier system) di mana mula dengan RM5,000 pertama, mereka hanya dapat 2.5% sahaja. Kemudian, RM10,000 dia dapat tambah sedikit, RM15,000 tambah sedikit sehingga bila dia capai RM50,000 atau RM100,000 barulah mereka dapat faedah seumpama 60%. Ini tidak munasabah, sebab orang yang simpan wang dalam Bank Simpanan Nasional ini bukanlah orang dalam bandar, mereka adalah murid-murid dan anak cucu kita di luar bandar di mana simpan 10 sen sehari, RM1 sebulan, RM5 sebulan, akhir-akhirnya dapat faedah yang tidak munasabah - 2.5% untuk setiap RM100.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Bank Negara boleh ambil perhatian ini minta menaikkan atau menggalakkan bank-bank simpanan atau bank komersial menaikkan faedah kepada murid-murid kita untuk menggalakkan mereka simpan dalam bank-bank yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik perhatian saya ialah Laporan Tenaga Nasional pada laporan dalam surat khabar pada hari semalam. Tenaga Nasional pre-tax profit meningkat 31%. Baru-baru ini, 1hb. Mei, 1997, Tenaga Nasional telah minta dan telah revised rates. Kalau ikut laporan yang ada dalam surat khabar pada 13hb. Mei, dikatakan dalam enam bulan pertama (first six month) tahun ini, mereka meningkat profit 30% disebabkan revision of rates yang telah dijalankan pada 1hb. Mac, tahun 1996. Bila telah buat pembaharuan (adjustment) efektif pada 1hb. Mac, 1996 di mana profit dia sudah meningkat 30%.

Kalau boleh dapat meningkat profit dengan satu revision pada tahun 1996, mengapalah kita perlu hendak ada satu revision semula pada bulan Januari, 1997. Mengapa kita hendak satu revision lagi? Itu saya kurang faham. Sebab, kesan sampingan bukanlah dirasai oleh orang dalam bandar. Orang pekilang tidak rasa. Bila naik tarif dan sebagainya dia cuma pengeluarannya ikut harga naik. Akhirnya, orang yang rasa kesan ini adalah penduduk-penduduk

luar bandar. Ini saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya dapat penjelasan mengapa sudah ada satu profit meningkat 30% masih perlu hendak revision of rate.

Tuan Yang di-Pertua, ada lebih bermanfaat dan berguna untuk kekalkan tanah lapang seperti padang permainan di kawasan perumahan. Adalah perlunya bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji semula akta-akta yang sedia ada untuk memastikan bahawa ianya tidak disalahgunakan kerana takrifan teknik dengan membenarkan pemaju perumahan membina bangunan-bangunan di atas tanah tersebut. Mula-mulanya kawasan itu diisytiharkan sebagai padang. Kemudian, lama-lama kita tengok ada gerai ada di situ. Lama-kelamaan gerai diroboh, bangunan pula ada di situ. Bila tanya, apa fasal itu, semua tidak boleh beri apa-apa jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pihak berkenaan seperti majlis perbandaran atau majlis tempatan hanya merupakan trustee kepada tanah-tanah lapang tersebut dengan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meminda kegunaan bagi apa-apa tujuan jua. Jika benar bahawa pihak-pihak berkenaan boleh menggezetkan semula tanah-tanah tersebut untuk lain-lain kegunaan selepas ianya diserahkan oleh pemaju kepada majlis-majlis tempatan, manakala ada wajarnya sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula akta-akta berkenaan bagi tujuan memindahkannya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita ada dengar berkaitan dengan cellular telephone. Pada lima tahun dahulu apabila kita beli cellular telephone, harganya tidak kurang daripada RM2,000. Sekarang harga untuk cellular telephone telah turun sampai kalau kita tengok dalam iklan pada hari ini RM350 boleh dapat telefon. Tetapi apa yang tidak turun ialah access fee, sewa talian daripada kami kepada syarikat-syarikat yang menjalankan telekomunikasi itu. Untuk Telekom Malaysia kami hanya membayar RM21.00 sahaja untuk sewa talian. Tetapi untuk cellular telephone ini, terpaksa kita menyewa dengan harga RM60.00.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita sewa RM60.00 tetapi cagaran kita pun ada untuk menggunakan talian itu. Cagaran-cagaran ini tidak dikenakan bunga, cuma syarikat kutip. Kalau

kita ambil kira, kalau tiap-tiap orang buat cagaran RM200 dan syarikat ada 100,000 pengguna, ini bermakna wang yang disimpan daripada cagaran itu ada lebih daripada RM20 juta, di mana wang ini yang mereka tidak perlu hendak bayar. Tetapi atas nama pembangunan, hendak ambil balik modal, mereka terus menjalankannya. Ini tidak adil kepada kami sebagai pengguna cellular telephone. Juga saya rasa jikalau boleh sewa RM60.00 boleh diturunkan, ini tidak jadi satu penghalang kepada orang-orang yang kurang mampu, tidaklah katakan miskin, boleh mengadakan juga cellular telefon.

Tuan Yang di-Pertua, projek mendirikan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC) adalah satu projek kerajaan yang mahukan negara kita mara kepada era IT. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata, 'status MSC akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang mematuhi tiga kriteria utamanya. Yang pertama, mengeluarkan produk perkhidmatan multimedia bertaraf antarabangsa. Yang kedua, mempunyai pekerja mahir yang mencukupi dan berkemampuan memindah teknologi. Ini yang penting, berkemampuan memindah teknologi. Pengumuman bahawa 461 firma tempatan telah memohon untuk menyertai MSC amatlah menggalakkan. Soalannya, adakah semua syarikat yang mohon status MSC memenuhi ketiga-tiga kriteria yang digariskan itu. Sememangnya negara kita tidak akan mencapai matlamat sekiranya mereka tidak.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, kerajaan perlu menentukan satu jangka masa bagi mencapai matlamat-matlamat jangka masa pendek dan jangka masa panjang agar visi ini menjadi kenyataan. Di sini saya suka menjelaskan bahawa melahirkan serta mewujudkan pekerja-pekerja yang benar-benar mahir merupakan tujuan utama. Bagi mencapai tujuan itu kerajaan patut membina banyak lagi institusi tinggi, memperuntukkan wang yang mencukupi, mempunyai tenaga pengajar yang berkalibar serta dedikasi dan memberi pelbagai dorongan kepada pelajar-pelajar yang menceburi industri teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kadangkala ada keburukannya sekiranya kita melonjak ke tahap negara maju dengan pantas jika rakyat jelata belum sedia untuk

menerimanya. Selain daripada kesan baik, teknologi maklumat juga boleh membawa kesan buruk. Umpamanya, melalui komputer lebih ramai anak-anak kita akan dapat mengubahsui kegunaan komputer. Lebih lama, mereka lebih pandai. Siapa tahu bahawa ada di antara mereka yang sanggup melakukan jenayah komputer, hacking into computer, white-collar crime dalam komputer, dengan izin.

Bagi tujuan mencegahnya, pihak kerajaan telah membenteng Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 akan dibenteng kemudian. Saya kira adalah penting bagi pihak berkenaan untuk menjelaskan bagaimana undang-undang tersebut boleh melindungi kepentingan pengguna di samping memberi jaminan bahawa aplikasi MSC tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh syarikat yang berkenaan atau mana-mana pihak pun. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tamatkan ucapan saya. Di sini saya juga minta maaf sekiranya dalam ucapan saya, saya ada buat kesilapan dan kekasaran. Sekian, terima kasih.

6.10 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibacakan di Dewan yang mulia ini pada 24hb. Mac, 1997. Saya juga menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang mana menggambarkan kasihnya Baginda dengan rakyat dan juga keprihatinan Baginda ke atas semua aspek kehidupan rakyat dan juga kemajuan negara. Jelas juga dapat dilihat harapan Baginda supaya rakyat akan terus hidup bersatu padu untuk meneruskan kemakmuran dan kesejahteraan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat hidup dalam sebuah negara yang aman dan makmur dan yang dipenuhi dengan segala kemudahan, selaras dengan kemajuan yang ada dari masa ke semasa. Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat menggubal dasar pembangunan negara yang begitu mantap dan juga kerana mempunyai keberanian, ketegasan politik ataupun dengan izin, political will untuk

melaksanakan dasar-dasar pembangunan itu, terutama sekali pembangunan sosial dan ekonomi termasuk pembangunan jasmani dan rohani.

Walaupun demikian, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga sebilangan rakyat yang tertinggal dalam arus pembangunan ini. Mungkin disebabkan oleh perbezaan budaya dan juga tempat kediaman mereka. Kadang-kadang terdapat juga dasar kerajaan dalam bidang-bidang tertentu berubah dengan cepat sehingga sebahagian daripada rakyat tidak dapat bergerak selari dengan perubahan ini. Ini menyebabkan hasil dari kemajuan tiap-tiap pembangunan itu tidak dapat dinikmati oleh semua rakyat dalam masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya melanjutkan perbincangan saya berhubung dengan kemajuan pendidikan. Sepertimana yang kita maklum pendidikan adalah penting untuk membentuk rakyat yang berguna bagi masa hadapan bermula daripada anak-anak kita di bangku sekolah. Baru-baru ini saya telah membaca dalam surat khabar bahawa Kementerian Pendidikan bercadang hendak membuat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan. Sebagai contoh Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengadakan, dengan izin, *express class*, iaitu mengadakan satu kelas untuk anak-anak yang cerdas, dan juga mengkaji semula Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kelas matrikulasi kementerian juga bercadang memendekkan tempoh untuk mendapat ijazah bagi kursus-kursus yang tertentu.

Cadangan ini adalah baik dan tiap-tiap cadangan ataupun perubahan harus kita terima dengan positif. Tetapi saya berharap tiap-tiap cadangan atau perubahan itu tidak dibuatkan sebagai satu percubaan, ataupun dengan izin, *experiment* kerana ditakuti nanti ianya akan membawa akibat yang tidak menguntungkan semua rakyat kerana terdapat juga perubahan baru timbul sebelum perubahan yang awal itu sampai kepada rakyat di tempat-tempat yang jauh daripada bandar seperti di pedalaman. Ini sangat merugikan terutama sekali rakyat yang diam di pedalaman.

Selain daripada itu, dalam usaha kerajaan ataupun kementerian yang berkenaan untuk membuat satu perubahan, persiapan hendaklah dibuat dengan teliti, misalnya cadangan untuk mengadakan kelas untuk anak-anak yang cerdas. Saya difahamkan bahawa anak-anak yang cerdas dalam Darjah 3 boleh dilompatkan naik ke Darjah 5. Masalah di sini adakah anak-anak

murid itu dilompatkan dalam sekolah yang sama ataupun dipindahkan ke sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan yang penuh, yang disediakan untuk murid-murid yang cerdas ini? Sekiranya anak-anak yang cerdas itu dilompatkan dari Darjah 3 ke Darjah 5 dalam sekolah yang sama, ada kemungkinan mereka akan tertekan dari segi psikologi apatah lagi jika kemudahan untuk melatih mereka tidak terdapat di sekolah tersebut. Selain daripada kemudahan-kemudahan yang diperlukan, kerajaan juga harus menyediakan guru-guru yang khas untuk mendidik mereka yang cerdas ini.

Banyak lagi perkara yang harus kita fikirkan dalam cadangan ini seperti mengumpul pelajar-pelajar yang cerdas dalam satu kelas ataupun dalam satu sekolah sahaja supaya mereka sama-sama dapat mengikuti pelajaran yang diadakan khas untuk mereka. Jikalau mereka diajar dalam kelas biasa, kadang-kadang guru-guru mungkin hanya menaruh perhatian yang penuh kepada mereka sahaja dan ini akan menjejaskan peluang murid-murid yang kurang cerdas.

Seterusnya begitu juga dengan cadangan untuk memendekkan tempoh kursus untuk mendapat ijazah, terutama sekali sebagai contoh dalam kursus kejuruteraan sepertimana yang saya telah difahamkan. Memanglah baik untuk kita memendekkan tempoh untuk mendapat ijazah kejuruteraan memandangkan negara kita mengalami kekurangan dengan lulusan ataupun jurutera-jurutera yang bertauliah. Walau bagaimanapun, sepertimana yang kita maklum ada juga kesulitan yang akan timbul dari kursus-kursus yang dipendekkan tempoh kerana besar kemungkinan lulusan ataupun lepasan ijazah itu tidak akan mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk menjadi seorang jurutera yang baik. Dengan itu mungkin adalah baik bagi lulusan ini diberi lagi satu tempoh latihan amali supaya mereka akan dapat menjalankan tugas mereka sebagai jurutera, bukan sahaja sebagai jurutera dalam bilik air-cond, dengan izin, berhawa dingin, tetapi benar-benar menjadi seorang jurutera yang berkebolehan dari segi amali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyediakan pendidikan untuk anak-anak kita dari segi ilmu, perlu juga kita menyediakan mereka dengan pendidikan jasmani dan rohani terutama sekali dari segi akhlak dan moral. Pada masa ini negara kita sepertimana yang kita maklum mengalami

masalah sosial di kalangan anak-anak murid sekolah dan salah satu daripada cara untuk kita mengatasi masalah ini ialah dengan memberi pendidikan yang baik berhubung dengan moral kepada mereka dari peringkat awal lagi.

Sepertimana yang kita maklum, kebanyakan daripada murid-murid yang mempunyai masalah sosial ini terdiri daripada murid-murid dalam peringkat pertengahan ataupun secondary classes, dengan izin. Maka dengan itu, adalah baik murid-murid dididik dengan pendidikan moral dan agama daripada peringkat sekolah rendah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan prasekolah juga adalah sama penting-nya dengan pendidikan sekolah rendah kerana pada masa ini apa yang sering berlaku sepertimana yang kita maklum, terdapat ibu bapa yang sama-sama bekerja menghantar anak mereka ke sekolah tadika. Salah satu daripada tujuan mereka ialah untuk menempatkan anak mereka untuk dijaga di sekolah tadika semasa mereka bekerja, selain daripada memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk bersedia sebelum menempuhi alam persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah apa akan terjadi kepada anak-anak yang masih kecil itu apabila terdedah kepada pelajaran yang tidak betul oleh guru-guru tadika. Dengan itu adalah wajar bagi setiap sekolah tadika diwajibkan mengikut kurikulum yang disediakan oleh jabatan pendidikan dan dikawal dengan rapi dari segi pentadbiran dan pelaksanaannya. Saya pernah membaca dalam surat khabar pada satu ketika dahulu, terdapat anak-anak sekolah tadika diberi minum ubat supaya tidur. Ini adalah kurang menyenangkan dan adalah tidak baik untuk anak-anak yang masih kecil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin juga saya menyentuh mengenai persediaan yang harus dibuat oleh jabatan pendidikan ataupun kementerian yang berkenaan apabila membuat sesuatu perubahan ataupun kemajuan dalam sistem pendidikan di mana sebelum sesuatu perubahan itu dibuat, persediaan yang terperinci hendaklah dibuat terlebih dahulu lagi. Sebagai contoh, saya pernah diberitahu bahawa satu kejadian telah berlaku di sebuah sekolah di pedalaman di mana seorang guru yang dilatih khas dalam bahasa Inggeris diminta mengajar

mata pelajaran sains dan matematik sebagai tugas tambahan kerana sekolah tersebut tidak mempunyai guru sains dan matematik. Suasana seperti ini adalah berlainan daripada apa yang berlaku di bandar di mana guru-guru terlatih dalam bidang-bidang tertentu memang sentiasa sedia ada. Oleh yang demikian, apabila kementerian hendak membuat sesuatu perubahan, persediaan yang rapi hendaklah dibuat supaya rakyat yang tidak bernasib baik terutama sekali mereka yang berada di pedalaman akan dapat menikmati kemudahan yang sama seperti mereka di bandar, terutama sekali seperti yang tersebut di atas tadi dengan mengadakan guru-guru yang terlatih dalam bidang-bidang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pada masa ini sedang pesat untuk memajukan teknologi maklumat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa masyarakat Malaysia pada satu hari nanti akan menjadi masyarakat yang mempunyai maklumat bahkan kerajaan juga akan menjadi 'paperless government', dengan izin. Untuk menghadapi cabaran ini ataupun untuk selari dengan kemajuan ini saya percaya Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk menyediakan kemudahan komputer untuk sekolah-sekolah dan juga melatih guru-guru supaya, dengan izin, 'to be computer literate', supaya mereka akan dapat sealiran dengan perubahan ini. Tetapi apa yang penting untuk diambil kira ialah supaya kemudahan ini juga akan diberi dan disediakan untuk sekolah-sekolah di pedalaman. Sepertimana yang kita maklum beberapa buah sekolah di pedalaman tidak mempunyai elektrik, apatah lagi untuk menggunakan komputer dan tidak mempunyai guru-guru yang terlatih untuk mengajar komputer. Dengan itu adalah baik sekiranya dalam perancangan untuk menubuhkan satu masyarakat yang berteknologi maklumat ini, tekanan juga harus diberi supaya pendidikan ini akan dapat sampai kepada rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin memberi saranan supaya kita mengikut amalan pekerja-pekerja Jepun dan banyak juga jabatan-jabatan dan kilang-kilang kita sudah mencontohi budaya Jepun ini seperti mengadakan 'morning prayers', dengan izin, di mana masa

ini digunakan oleh syarikat-syarikat untuk memberi ceramah, kata-kata semangat kepada pekerja-pekerja mereka untuk memberi kerja yang mempunyai kualiti.

Bagi kita di Malaysia untuk menangani masalah sosial mungkin, masa seperti 'morning prayers' ini, dengan izin, boleh juga digunakan untuk memberi ceramah katalah dalam masa lima minit, walaupun singkat untuk mendedahkan pekerja-pekerja kepada ajaran agama ataupun ajaran-ajaran yang baik sebagai 'moral education', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin juga menyentuh mengenai pekerja-pekerja asing. Pada masa ini Kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk mengadakan industri di mana kita tidak akan bergantung sangat kepada pekerja-pekerja dan dengan itu diharapkan semoga kita tidak akan bergantung sangat kepada pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, di Malaysia ini memandang kepada kemajuan yang berlaku begitu pesat, selalunya dalam satu keluarga, kedua-dua suami isteri pergi bekerja. Oleh yang demikian, tidak ada orang yang menjaga anak mereka di rumah dan memangnya susah bagi kita untuk mendapat pembantu rumah dari rakyat Malaysia kerana peluang untuk mereka bekerja di kilang-kilang adalah banyak serta memberi gaji yang lumayan yang mendorong mereka untuk bekerja di kilang dan tidak sanggup bekerja menjadi pembantu rumah. Dengan itu, kita tidak akan dapat mengelakkan satu situasi di mana kita terpaksa mengguna pembantu rumah dari pekerja-pekerja asing. Yang menjadi masalah di sini, yang mana mungkin akan timbul ialah sekiranya pekerja-pekerja asing sebagai pembantu rumah ini tidak diberi pendidikan agama ataupun pendidikan moral, kita khawatir anak-anak di rumah itu akan terpengaruh dengan sikap ataupun telatah ataupun adab mereka terutama sekali yang ada kaitan dengan ajaran agama yang sumbang. Maka bayangkanlah apa akan terjadi kepada anak-anak ini kerana sebahagian besar daripada masa mereka adalah di bawah jagaan pembantu-pembantu rumah ini. Oleh yang demikian, janganlah perkara ini diambil ringan sahaja kerana anak-anak di rumah adalah bakal menjadi pemimpin di masa akan datang dan juga apa-apa yang mereka buat di masa hadapan akan menentukan arah tujuan di mana negara kita akan lalui.

Saya berharap jabatan ataupun kementerian yang berkenaan akan benar-benar melihat dan mengambil perhatian kepada pembantu-pembantu rumah asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di Malaysia sekarang kita mempunyai banyak pekerja-pekerja asing, terutama sekali pekerja-pekerja daripada Bangladesh dan juga Indonesia dan sebahagian besar daripada mereka ini adalah terdiri daripada orang Islam. Sepertimana yang berlaku juga di kalangan kita, kadang-kadang kita ini hidup sebagai orang Islam kerana kita dilahirkan sebagai seorang Islam, tetapi mungkin setengah daripada kita tidak mempunyai pendidikan Islam. Mungkin itulah juga keadaannya dengan pekerja-pekerja Islam dari Bangladesh dan Indonesia yang bertugas di kilang-kilang kita.

Bayangkan masalah yang akan timbul sekiranya mereka menyebarkan ajaran agama yang salah, yang sesat dan juga mengerjakan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam dan ini sepertimana yang kita maklum akan menimbulkan masalah yang besar, sedangkan pada masa ini masalah yang kerap timbul di kalangan pekerja-pekerja asing di mana mereka bergaduh dengan penduduk-penduduk tempatan dan berkahwin dengan orang tempatan sudah menimbulkan masalah yang begitu merunsingkan.

Maka, di sini saya berharap kerajaan akan meninjau sama ada akan memberi kemudahan untuk mengerjakan amal ibadat seperti mendirikan surau di kilang-kilang yang jauh daripada kawasan-kawasan perumahan di mana kemudahan seperti surau itu boleh didapati.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah pergi ke sebuah kilang di mana pekerjaanya terdiri daripada 300 orang pekerja dari Indonesia dan mereka tidak ada tempat untuk mengerjakan solat. Kita kasihan melihat mereka solat di tempat-tempat yang kecil, di celah-celah pelosok bahan yang dihasilkan daripada kilang itu dan apatah lagi untuk mengerjakan ibadat-ibadat yang seterusnya. Saya berharap kerajaan juga akan mengambil perhatian dalam perkara ini sama ada untuk mewajibkan kilang-kilang yang jauh daripada tempat yang mempunyai kemudahan untuk beribadat, mendirikan bangunan-bangunan seperti surau di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi, pendek dan sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita sambung besok?

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, beri saya hanya dua minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung besok ya.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Baiklah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan hingga esok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.